



Panduan Produk Vocollect Talkman A500

September 2015
ETP.PG.5011.2015.09

Notis

Tentang Dokumentasi Honeywell

© Hak Cipta 1987-2015 Honeywell International Inc. Hak cipta terpelihara. Honeywell dan nama produknya adalah antara cap dagang dan/atau tanda perkhidmatan yang dimiliki oleh Honeywell International, Inc. atau syarikat-syarikat subsidiarinya.

Diterbitkan Oleh

Honeywell Vocollect Solutions
703 Rodi Road Pittsburgh, PA 15235
+1 412 829-8145
faks +1 412 829-0972
<http://www.vocollectvoice.com>

Kerahsiaan

Dokumentasi ini menyediakan maklumat untuk pelanggan Honeywell yang menggunakan produk Honeywell.

Bagi kegunaan pekerja, rakan niaga dan pelanggan Honeywell. Semua reka bentuk dan maklumat teknikal peralatan yang terkandung dalam dokumen ini merupakan harta sulit Honeywell. Tiada penggunaan atau pendedaannya boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Honeywell.

Amaran dan Penafian

Honeywell International Inc. ("HII") berhak untuk mengubah spesifikasi dan maklumat lain yang terkandung dalam dokumen ini tanpa notis terlebih dahulu, dan pembaca harus merujuk kepada HII dalam semua kes untuk menentukan sama ada apa-apa perubahan sedemikian telah dilakukan.

Maklumat dalam penerbitan ini tidak menggambarkan komitmen bagi pihak HII. HII tidak akan bertanggungjawab terhadap ralat atau ketinggalan teknikal atau editorial yang terkandung di dalam ini; mahupun terhadap kerosakan sampingan atau lanjutan yang timbul daripada pembekalan, prestasi atau penggunaan bahan ini.

Dokumen ini mengandungi maklumat proprietari yang dilindungi oleh hak cipta. Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian dalam dokumen ini boleh dibuat salinan foto, dihasilkan semula atau diterjemahkan ke dalam bahasa lain tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada HII.

Kandungan

Bab 1: Pengenalan.....	9
Peranti dan Set Kepala Talkman.....	9
Garis Panduan Keselamatan Am.....	10
Keselamatan Bateri Honeywell.....	11
Maklumat Hubungan.....	12
Paten dan Harta Intelektual.....	13
 Bab 2: Menggunakan Talkman A500.....	 15
Mengecas Peranti A500 atau T5.....	16
Mengecas Bateri A500 atau T5 di dalam Peranti.....	16
Mengecas Bateri A500 atau Siri T5.....	16
Mengeluarkan Peranti A500, Siri T2 atau Siri T5 Daripada Pengecas.....	17
Memasukkan Bateri ke dalam Peranti Talkman A500, Siri T5 atau Siri T2.....	17
Mengeluarkan Bateri daripada Peranti Talkman A500, Siri T5 atau Siri T2.....	18
Masa Pemanasan Bateri.....	19
Konfigurasi Mudah.....	19
Konfigurasi Mudah: Persediaan Awal.....	19
Konfigurasi Mudah: Membawa Peranti Tambahan T5, T5m dan A500 ke Dalam Talian.....	20
Menghidupkan Peranti Talkman.....	20
Mematikan Peranti Talkman.....	21
Tentang Penunjuk LED.....	22
Penunjuk LED Peranti A500.....	22
Memuatkan Templat Pengendali.....	23
Melaraskan Suara.....	24
Melaraskan Pic.....	24
Melaraskan Kelantangan Menggunakan Suara.....	25
Melaraskan Kelantangan Menggunakan Butang Peranti.....	25
Melaraskan Kelajuan.....	25
Menukar Jantina Penutur.....	26
Memahami Perintah Talkman.....	26
Pilihan untuk Pengguna Cacat Pendengaran.....	27
Prosedur Pembersihan Peralatan Honeywell.....	27
Membersihkan Bahagian Plastik.....	28
Membersihkan Sentuhan.....	28
 Bab 3: Talkman A500 VMT.....	 29
Lekapan untuk Talkman A500/T5 VMT.....	29
Aksesori Talkman A500/T5 VMT.....	30

Menempatkan Talkman A500/T5 VMT.....	31
Memasang Pendakap Lekapan untuk Talkman A500/T5 VMT.....	31
Menyambungkan Kabel ke Bekalan Kuasa dan Memasang Bekalan Kuasa pada Kenderaan.....	32
Menyambungkan Peranti A500/T5 VMT ke Sumber Kuasa Kenderaan.....	34
Menanggalkan Peranti A500/T5 VMT daripada Kenderaan.....	35
Amalan Terbaik Pemasangan VMT.....	36

Bab 4: Pengecas.....41

Pengecas Kombinasi T5/A500.....	41
Menyambungkan Bekalan Kuasa ke Pengecas Kombinasi T5/A500.....	42
Pengecas Kombinasi T5/A500 Lekapan Dinding.....	42
Tentang Penunjuk LED.....	43

Bab 5: Menyelesaikan Masalah Peralatan.....45

Saya Tidak Dapat Mendengar Apa-apa melalui Set Kepala.....	45
Peranti Berbunyi Bip Setiap Beberapa Saat.....	45
Peranti Tidak Akan Memuatkan Aplikasi Suara.....	45
Peranti Tidak Akan Memuatkan Templat Pengendali.....	46
Peranti Tidak Memberikan Respons kepada Tekanan Butang.....	46
Peranti Tidak Akan Hidup.....	46
Peranti Asyik Dimatikan.....	46
Panduan Penyelesaian Masalah untuk Pengecas Bateri Talkman A500/T5.....	46
Menyelesaikan Masalah yang Ditunjukkan oleh LED.....	49
Tentang Mesej Ralat.....	50
Mesej Ralat Bernombor.....	50
Mesej Ralat Lisan.....	55
Menghubungi Sokongan Teknikal.....	60
Maklumat Am yang Diperlukan untuk Kebanyakan Permintaan Sokongan	60
Soalan Lazim yang perlu Dijawab apabila Menghubungi Sokongan.....	60
Mendayakan Pengelogan Peranti dalam VoiceConsole.....	60
Tentang Menghantar Balik Peralatan untuk Pembaikan.....	61
Membungkuskan Item untuk Dipulangkan kepada Honeywell.....	61
Menghantar Balik Peralatan untuk Pembaikan: Prosedur Kebenaran Bahan Pemulangan (RMA).....	62
Menyelesaikan Masalah Konfigurasi VMT.....	62

Lampiran A: Spesifikasi.....65

Spesifikasi A500.....	65
Spesifikasi Bateri Prestasi Tinggi A500/T5.....	65
Spesifikasi Pengecas Kombinasi 10 Ruang T5/A500.....	66
Spesifikasi Bekalan Kuasa Pengecas Kombinasi T5/A500.....	67

Lampiran B: Aksesori.....69

Abah-abah Bahu Boleh Laras T5/A500.....	69
Spesifikasi Abah-abah Bahu Boleh Laras T5/A500.....	69
Meletakkan Peranti pada Abah-abah Bahu T5/A500.....	69
Tali Pinggang dan Klip Tali Pinggang.....	70
Menggunakan Tali Pinggang dan Klip A500/Siri T.....	70
Spesifikasi Tali Pinggang Siri T.....	71
Penutup Peranti.....	71
Spesifikasi Penutup KULIT Elastomer T5/A500.....	72
Memasang Penutup pada Peranti A500 atau Siri T5.....	72
Spesifikasi Aksesori Talkman A500/T5 VMT.....	72

Lampiran C: Nombor Bahagian.....73

Nombor Bahagian: Peranti Vocollect Talkman.....	73
Nombor Bahagian: Aksesori Talkman.....	73
Nombor Bahagian: Pengecas.....	74

Lampiran D: Pilihan Latihan Templat.....75

Latihan dengan Peranti Talkman Sahaja.....	75
--	----

Lampiran E: Pematuhan.....77

Bab 1

Pengenalan

Dokumentasi Perkakasan dan Panduan Produk Vocollect mengandungi maklumat menyeluruh tentang produk perkakasan dan persisian.

Dokumen ini merangkumi maklumat berikut:

- Maklumat keselamatan
- Spesifikasi perkakasan
- Prosedur pemasangan dan arahan pengendalian asas untuk perkakasan Vocollect dan/atau peranti pihak ketiga yang serasi dengan persisian Vocollect
- Nombor bahagian
- Pernyataan kawal selia dan pematuhan
- Panduan penyelesaian masalah

Khalayak

Dokumen ini bertujuan untuk digunakan sebagai sumber rujukan oleh penjual berdaftar, wakil jualan, pelanggan dan pengguna perkakasan tersebut.

Peranti dan Set Kepala Talkman

Peranti Vocollect Talkman™ ialah terminal sesuai dipakai yang digunakan dengan set kepala Vocollect untuk membolehkan kerja arahan suara. Pengendali mendengar arahan daripada peranti ini untuk melakukan tugas seperti mendapatkan pesanan dari gudang dan pemeriksaan lantai kilang, kemudian menyebut frasa ringkas untuk memasukkan data.

Semua peranti Talkman membolehkan tangan pengendali bebas untuk memeriksa item, mengambil produk, memandu kenderaan atau membaiki kecacatan.

Peranti Kumpulan Produk Talkman A700, A500, Siri T5 dan Siri T2

Model-model peranti ini merupakan terminal tahan lasak yang direka bentuk untuk kegunaan industri. Peranti ini dipasang pada tali pinggang atau abah-abah bahu tersuai, bergantung pada jenis peranti, dilengkapi dengan klip yang direka bentuk khas.

Talkman A500 VMT (Vehicle Mounted Talkman) dan T5 VMT ialah peranti A500 dan T5 dengan penyesuai bateri yang dilekapkan pada kenderaan gudang seperti forklift. Selepas peranti dilekapkan, penyesuai bateri diletakkan ke dalam ruang bateri peranti dan disambungkan ke sumber kuasa kenderaan.

Talkman T1

Talkman T1 telah direka bentuk khas untuk persekitaran industri ringan dan tugas ringan. Peranti Talkman T1 merupakan alternatif yang lebih ringan dan kos lebih rendah kepada peranti siri T2, siri T5, A500 dan siri A700. Ia bertujuan untuk digunakan di kawasan yang anda tidak memerlukan peranti yang amat tahan lasak. Peranti Talkman T1 muat di dalam pemegang tersuai dengan klip tali pinggang.

Set Kepala Pengecaman Pertuturan

Set kepala pengecaman pertuturan Vocollect dengan mikrofon membolehkan pengendali mendengar arahan atau soalan daripada peranti. Pengendali bercakap kepada peranti untuk meminta maklumat dan memasukkan data dengan menjawab gesaan peranti.

Menggunakan Pengecaman Pertuturan Mudah Suai™, set kepala menerangkan perubahan dalam corak percakapan melalui masa dan dalam persekitaran yang berbeza untuk memperbaiki pengecaman suara dan prestasi sistem.

Penggunaan dan Penjagaan Produk

- Peranti Talkman dipasang mengikut garis panduan pembuatan Vocollect yang tegas. Mengubah peranti dalam apa jua cara akan membatalkan spesifikasi pengendalian yang diterbitkan dan boleh membatalkan waranti produk.
- Apabila Talkman tidak digunakan, ia harus diletakkan ke dalam pengecas dengan betul.
- Jangan sekali-kali keluarkan bateri daripada peranti Talkman kecuali kuasanya telah betul-betul dimatikan.
- Peranti Talkman direka bentuk untuk dipakai di sebelah kanan badan dengan butang peranti pada bahagian atas (siri T5, siri T2, A500, siri A700) atau menghadap ke depan (T1) dan penyambungannya ke arah belakang pengendali (A500, siri T5, siri T2, siri A700) atau menghadap ke atas (T1).
- Talkman T1 mesti diletakkan ke dalam pemegang dengan bukaan pemegang menghadap ke atas. Meletakkannya ke dalam pemegang dengan bukaan pemegang menghadap ke bawah atau ke sisi akan menimbulkan risiko unit terjatuh.
- Sentiasa gunakan pad dan penutup mikrofon dengan set kepala Vocollect untuk melindungi peralatan dan memastikan prestasi pengecaman pertuturan optimum.
- Honeywell mengesyorkan supaya menukar penutup mikrofon set kepala setiap 90 hari untuk memastikan prestasi terbaik.

 **Awas:** Gunakan **hanya** larutan 70% isopropil alkohol dan 30% air untuk membersihkan bahagian plastik keras pada peralatan. Produk-produk lain belum lagi diuji dan boleh merosotkan peralatan.



Garis Panduan Keselamatan Am

Ikut garis panduan ini apabila bekerja dengan peralatan elektrik Honeywell:

- Peralatan terbumi mesti dipalamkan ke dalam saluran keluar, dipasang dengan betul dan dibumikan menurut semua kanun dan ordinan.
- Jangan sekali-kali tanggalkan cemat bumi atau ubah suai palam dalam apa jua cara.
- Jangan gunakan penyesuai palam.
- Semak dengan penguji yang diluluskan atau juruelektrik yang berkeelayakan jika anda percaya saluran keluar mungkin tidak dibumikan dengan betul.
- Pastikan semua sambungan elektrik sentiasa kering dan tidak tercedah lantai.
- Jangan dedahkan peralatan elektrik kepada hujan atau keadaan basah.
- Jangan sentuh palam atau peralatan dengan tangan basah.
- Jangan salah gunakan kord; jangan angkat peralatan melalui kordnya dan jangan sekali-kali tarik kord untuk menanggalkan palamnya dari saluran keluar. Jauhkan kord daripada haba, minyak, tepi yang tajam atau bahagian bergerak. Gantikan kord yang rosak dengan segera.
- Gunakan hanya kord pemanjangan yang diluluskan.

Apabila menggunakan peranti pengimbasan atau pengimej, jangan pandang terus pada pancaran cahaya.

Pernyataan Pematuhan Agensi

Peranti dan set kepala wayarles Honeywell Vocollect Solutions direka bentuk agar mematuhi undang-undang dan peraturan di lokasi produk-produk ini dijual dan dilabelkan sebagai wajib. Peranti Honeywell merupakan jenis yang diluluskan dan tidak memerlukan pengguna mendapatkan lesen atau kebenaran sebelum menggunakannya. Perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan nyata oleh Honeywell boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Keselamatan Bateri Honeywell

Penggunaan bateri dengan cara yang salah boleh menyebabkan kepanasan, kebakaran, letupan, kerosakan atau keupayaan bateri berkurangan. Baca dan ikut arahan pengendalian bateri sebelum dan semasa penggunaan.

Berikut disenaraikan langkah berjaga-jaga dan garis panduan umum sahaja, dan dengan demikian mungkin tidak merangkumi semua senario penggunaan berpotensi. Pengilang tidak akan bertanggungjawab terhadap tindakan yang diambil atau kemalangan yang disebabkan oleh apa-apa penggunaan yang tidak didokumenkan di bawah.

Amaran:

- Jangan nyahhimpun, buka, jatuhkan (penyalahgunaan mekanikal), hancurkan, bengkokkan, cacatkan, tebuk atau koyakkan bateri.
- Jangan ubah suai atau kilang semula, cuba menyelitkan objek asing ke dalam bateri, rendam atau dedahkan kepada air atau cecair lain, atau dedahkan kepada api, haba berlebihan termasuk besi pematerian, atau letakkan ke dalam ketuhar gelombang mikro.
- Hanya gunakan bateri yang ditetapkan untuk peranti.
- Penggunaan bateri dengan cara yang salah boleh mengakibatkan kebakaran, letupan atau bahaya lain.
- Jangan lakukan litar pintas pada bateri atau biarkan objek logam atau konduksi bersentuhan dengan mana-mana sentuhan bateri secara serentak.
- Gantikan bateri hanya dengan bateri lain yang telah diluluskan oleh Honeywell untuk produk yang anda gunakan. Penggunaan bateri yang tidak diluluskan boleh menimbulkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran atau bahaya lain.
- Sentiasa gantikan bateri dalam persekitaran yang bersih dan kering.
- Unit harus dimatikan apabila menggantikan baterinya.
- Sekiranya bateri bocor, jangan biarkan cecair menyentuh kulit atau mata. Jika tersentuh, basuh bahagian terjejas dengan jumlah air yang banyak dan dapatkan nasihat dan rawatan perubatan kecemasan dengan segera.
- Dapatkan nasihat perubatan dengan segera jika tertelan bateri.
- Pada bila-bila masa jika anda nampak bateri mula mengembang atau mengembung, mengeluarkan asap atau menjadi panas apabila disentuh, hentikan proses pengecasan dengan segera dan putuskan sambungan bateri dan pengecas. Perhatikannya dari tempat yang selamat, sebaik-baiknya di luar sebarang bangunan atau kenderaan selama lebih kurang 15 minit.
- Lupuskan bateri terpakai dengan segera menurut peraturan tempatan, negeri dan/atau persekutuan. Syarat dan pilihan amat berbeza di negara-negara yang berbeza dan di kawasan-kawasan yang berbeza di Amerika Syarikat. Banyak lokasi menyediakan kemudahan atau syarikat untuk menerima bateri lama.
- Bateri Honeywell tidak harus digunakan oleh kanak-kanak.
- Honeywell tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh kepincangan tugas peralatan apabila digunakan dengan bateri bukan Honeywell.
- Honeywell tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh kepincangan tugas peralatan apabila menggunakan pengecas bukan Honeywell.

**Awat:**

- Apabila bateri dijangka tidak akan digunakan untuk tempoh yang lama, keluarkannya daripada peralatan atau peranti dan simpan pada suhu bilik dengan kelembapan normal.
- Jangan tinggalkan bateri tersambung kepada pengecas untuk tempoh yang lama. Ia boleh menyebabkan kemerosotan prestasi bateri, seperti pemendekan hayat bateri. Ia harus dikeluarkan daripada pengecas dan disimpan seperti yang disyorkan di atas.
- Matikan kuasa peralatan anda apabila tidak digunakan.

Mengendalikan Bateri Terpakai

- Apabila menghantar bateri, letakkan pita atau bahan penebat dengan kukuh menutupi sentuhan bateri untuk mengelakkan sentuhan tidak sengaja semasa dalam perjalanan. Bateri Honeywell boleh dihantar di bawah Peruntukan Khas 188 dalam 49 CFR 172.102 atau pengecualian A45 IATA.
- Jangan sekali-kali nyahhimpun bateri.
- Jangan tinggalkan bateri di bawah cahaya matahari terik atau dedahkan bateri kepada hujan atau air.
- Simpan bateri di dalam bekas tahan lasak dan tutup dengan tudung.

Maklumat Hubungan

Maklum Balas Dokumentasi

Maklum balas anda penting kepada usaha dokumentasi kami. Jika anda mengalami kesukaran dengan mana-mana prosedur yang diterangkan dalam dokumen ini, hubungi Sokongan Teknikal Honeywell Vocollect.

Cari kebanyakan dokumentasi teknikal di VoiceWorld, <https://www.voiceworld.com>.

Perkhidmatan Penjual Honeywell Vocollect

Jika anda membeli peralatan atau perkhidmatan melalui penjual Vocollect, sila hubungi penjual tersebut dahulu untuk mendapatkan sokongan atau mengemukakan soalan tentang belian.

Sokongan Teknikal Honeywell Vocollect

Serahkan insiden atau soalan kepada <http://vocollect.custhelp.com> atau hubungi Sokongan Teknikal Honeywell Vocollect:

Amerika Syarikat Telefon: +1 866-862-7877 E-mel: vocollectsupport@honeywell.com

Amerika (di luar A.S.), Australia, New Zealand Telefon: +1 412-829-8145, pilihan 3, pilihan 1 E-mel: vocollectsupport@honeywell.com

Eropah, Timur Tengah, Afrika Telefon: +44 (0) 1628 55 2902 E-mel: vocollectEMEA@honeywell.com

Jepun dan Korea Telefon: +813 6730 7234 E-mel: vocollectJapan@honeywell.com

Khidmat Pelanggan Honeywell Vocollect

Hubungi Khidmat Pelanggan Honeywell Vocollect untuk membuat pesanan, status pesanan, pemulangan, status Kebenaran Bahan Pemulangan (RMA) atau isu-isu khidmat pelanggan lain:

Amerika Syarikat Telefon: +1 866-862-6553, pilihan 3, pilihan 2 E-mel: vocollectRequests@honeywell.com

Amerika (di luar A.S.), Australia, New Zealand Telefon: +1 412-829-8145, pilihan 3, pilihan 2 E-mel: vocollectRequests@honeywell.com

Eropah, Timur Tengah, Afrika Telefon: +44 (0) 1628 55 2903 E-mel: vocollectCSEMEA@honeywell.com

Jepun dan Korea Telefon: +813 6730 7234 E-mel: vocollectJapan@honeywell.com

RMA Honeywell Vocollect

Untuk memulangkan peralatan untuk pembaikan, hubungi RMA Honeywell Vocollect untuk meminta nombor RMA: E-mel: vocollectRMA@honeywell.com

Pertanyaan Tentang Jualan dan Pertanyaan Umum

Honeywell Vocollect Solutions 703 Rodi Road Pittsburgh, PA 15235-4558 Telefon: +1 412-829-8145 Faks: +1 412-829-0972 vocollectInfo@honeywell.com <http://www.vocollect.com>

Honeywell Vocollect Solutions Eropah Honeywell House Skimped Hill Lane Bracknell, Berkshire RG12 1EB United Kingdom Telefon: +44 (0) 1628.55.2900 vocollectEMEA@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Amerika Latin Utara: +52 55 5241 4800 x4915 Selatan: +1 412 349 2477 vocollectLatin_America@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Jepun New Pier Takeshiba South Tower 20F 1-16-1 Kaigan, Minato-ku Tokyo 105-0022 Japan Telefon: +813 6730 7234 vocollectJapan@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Asia Pasifik 21/F Honeywell Tower Olympia Plaza 255 King's Road North Point, Hong Kong Telefon (Hong Kong): + 852 2331 9133 Telefon (China): + 86 186 1698 7028 Telefon (Australia): + 61 409 527 201 vocollectAsiaPacific@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Singapura 151 Lorong Chuan #05-02A/03 New Tech Park, Lobby C Singapore 556741 Telefon (Singapura): +65 6305 2369 vocollectSingapore@honeywell.com

Paten dan Harta Intelektual

Untuk maklumat tentang paten, lihat <http://www.hsmpats.com>.

Bab 2

Menggunakan Talkman A500



Rajah 1: Mengetahui Vocollect Talkman® A500

- | | | |
|---------------------------|-----------------------|------------------------|
| 1 - Bateri | 4 - Port set kepala | 7 - Butang tolak (—) |
| 2 - Butang pelepas bateri | 5 - Butan main/jeda | 8 - Butang pengendali |
| 3 - Port penyenggaraan | 6 - Butang tambah (+) | 9 - Klip tali pinggang |

The Talkman® A500 menggandingkan reka bentuk tahan lasak untuk berfungsi dalam persekitaran gudang yang teruk dengan keupayaan wayarles. Peranti ini menyokong teknologi Bluetooth untuk disambungkan kepada peranti paparan serta persisian dan set kepala lain.

Dalam kumpulan produk Vocollect Talkman, Talkman A500 menawarkan pengendalian yang diperluaskan dengan pemproses yang lebih berkuasa, lebih banyak ingatan kosong dan radio yang lebih tahan lasak.

A500 menggunakan bateri, pengecas dan set kepala yang sama dengan peranti Siri T5. Kedua-dua model menggunakan perisian suara Vocollect VoiceClient, tetapi A500 direka bentuk untuk memanfaatkan kefungsiannya Vocollect VoiceCatalyst® untuk prestasi terbaik dan ciri dipertingkatkan.

Mengecas Peranti A500 atau T5



Rajah 2: Talkman A500/T5 High-Performance Battery

Bateri A500/T5 ialah model prestasi tinggi. Tidak seperti bateri siri T2 yang mempunyai titik sentuh yang sama rata dengan sarungnya, bateri A500/T5 menampilkan reka bentuk pin keluar.

⚠ Awas: Bateri A500/siri T5 dan bateri Vocollect lain tidak boleh ditukar ganti. Jika anda cuba memasukkan bateri yang salah ke dalam peranti, anda mungkin merosakkan peranti dan bateri tersebut.

Peranti A500 dan T5 menggunakan Pengecas Kombinasi Vocollect yang mengecas bateri prestasi tinggi semasa masih terpasang di dalam peranti atau apabila ditanggalkan daripada peranti.

Mengecas Bateri A500 atau T5 di dalam Peranti

1. Tanggalkan peranti daripada klip tali pinggang.
2. Putuskan sambungan apa-apa persisian lain.
3. Masukkan peranti ke dalam slot terbuka pada pengecas, menekan ke bawah dan kemudian ke belakang sehingga peranti berada pada tempatnya.
4. Selepas peranti diletakkan ke dalam pengecas, pastikan bahawa penunjuk LED pada peranti tersebut bernyala dan mula berkelip warna hijau.
 - a) Jika LED tidak bernyala selepas 30 saat, keluarkan peranti daripada slot pengecas dan kemudian letakkannya ke dalam slot semula.
 - b) Jika LED masih tidak bernyala, cuba slot lain pada pengecas.

⚠ Awas: Jangan cuba meletakkan peranti ke dalam pengecas kecuali anda telah memutuskan sambungan set kepala dan apa-apa peranti persisian lain terlebih dahulu. Jangan keluarkan bateri daripada peranti apabila meletakkan peranti ke dalam pengecas.

Mengecas Bateri A500 atau Siri T5

1. Keluarkan bateri daripada peranti Talkman.
2. Pegang bateri dengan sentuhannya menghadap ke bawah dan label Vocollect menghadap anda.



Rajah 3: Memasukkan Bateri Ke Dalam Pengecas

3. Letakkan bateri ke dalam slot bateri terbuka pada bahagian atas pengecas. Apabila bateri diletakkan ke dalam pengecas dengan betul, penunjuk LED kiri untuk slot yang mengandungi bateri itu bertukar kepada warna merah.

 **Nota:** Set penunjuk LED pada bahagian atas adalah berkaitan dengan slot bateri pengecas manakala penunjuk pada bahagian bawah pula adalah berkaitan dengan slot peranti.

Mengeluarkan Peranti A500, Siri T2 atau Siri T5 Daripada Pengecas

Peranti sedia digunakan apabila penunjuk LED pada peranti berkelip warna hijau. Jika LED berkelip warna merah, peranti belum sedia untuk digunakan.

 **Penting:** Jika peranti memaparkan cahaya berwarna merah padu secara berterusan, hubungi pentadbir sistem anda.

1. Pastikan bahawa peranti sedia digunakan.
2. Tarik peranti ke atas untuk mengeluarkannya daripada pengecas peranti.



Rajah 4: Mengeluarkan Peranti daripada Pengecas

Memasukkan Bateri ke dalam Peranti Talkman A500, Siri T5 atau Siri T2

Pastikan bateri yang akan dimasukkan dicas penuh.

1. Pegang Talkman supaya port berwarna merah dan kuning menghadap arah yang bertentangan dengan anda.
2. Pegang bateri dengan pin menghadap arah yang bertentangan dengan anda dan supaya logo Vocollect berada di atas.
3. Masukkan bateri secara menyerong, hujung pin dahulu.



Rajah 5: Memasukkan Bateri Dengan Betul

4. Tolak bahagian belakang bateri ke dalam tempatnya.
Anda akan mendengar bunyi klik apabila bateri berada pada tempatnya.

⚠ Awas: Jangan paksa bateri ke dalam petak. Anda mungkin merosakkan bateri atau peranti. Jika bateri tidak masuk dengan mudah ke dalam tempatnya, letakkan semula bateri ke dalam petak dan cuba sekali lagi.

Pastikan bateri duduk dengan kukuh dan tidak dapat dikeluarkan tanpa menekan butang pelepas bateri.

⚠ Amaran: Gantikan bateri hanya dengan bateri lain yang telah diluluskan oleh Honeywell untuk produk yang anda gunakan. Penggunaan bateri yang tidak diluluskan boleh menimbulkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran atau bahaya lain. Lihat juga [Keselamatan Bateri Honeywell](#)

Mengeluarkan Bateri daripada Peranti Talkman A500, Siri T5 atau Siri T2

Pastikan peranti Talkman dimatikan.

⚠ Awas: Jangan keluarkan bateri sehingga penunjuk LED telah padam. Jika anda mengeluarkan bateri semasa peranti dihidupkan atau tidur, apa-apa data yang dikumpulkan boleh hilang.

1. Pegang peranti dengan sebelah tangan dengan petak bateri menghadap anda.
2. Tekan butang pelepas bateri sepenuhnya sehingga bahagian atas bateri terkeluar dari petak bateri.



Rajah 6: Mengeluarkan Bateri Daripada Peranti

- Angkat bateri keluar dari petaknya.

Masa Pemanasan Bateri

Jika bateri telah digunakan dalam persekitaran yang sejuk, ia tidak akan mula mengecas sehingga ia panas secukupnya.

Suhu penggunaan bateri	Anggaran masa pemanasan
-4°C (24.8°F)	6 minit
-10°C (14.0°F)	10 minit
-20°C (-4°F)	22 minit
-30°C (-22°F)	30 minit

Konfigurasi Mudah

Konfigurasi Mudah menggunakan sambungan bersiri antara ruang dalam Pengecas Kombinasi T5/A500 untuk mengagihkan fail-fail konfigurasi daripada satu peranti kepada semua peranti dalam pengecas. Ciri ini membolehkan pemasangan baharu melengkapkan konfigurasi peranti awal dengan cepat and memudahkan penambahan peranti baharu atau pengembalian peranti yang dibaiki untuk digunakan.

Mana-mana model peranti yang disokong - T5, T5m dan A500 - boleh dikonfigurasi menggunakan ciri ini. Berbilang model boleh dikonfigurasi dalam pengecas pada masa yang sama. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa sesetengah parameter yang boleh dikonfigurasi adalah khusus kepada kad radio peranti. Oleh itu, sesetengah parameter yang dimuatkan dari peranti tuan ke peranti yang mempunyai radio yang berbeza tidak akan berkesan dan peranti yang menerima pengagihan tersebut mungkin tidak akan menerima semua parameter yang diinginkan untuk radio tertentu di dalamnya.

 **Nota:** Konfigurasi mudah harus digunakan hanya dengan pelayan DHCP.

Konfigurasi Mudah: Persediaan Awal

Arahan berikut adalah untuk menyediakan tapak pada mulanya. Ini bermakna tiada peranti disambungkan ke VoiceConsole pada masa ini.

- Cipta profil peranti dalam VoiceConsole.

Anda boleh menetapkan profil peranti sebagai "profil lalai" yang secara automatik memuatkan pada mana-mana peranti platform kosong. Peranti mestilah dalam mod tunggu sedia dan disambungkan ke VoiceConsole.

 **Nota:** Model TT-802 Talkman A500 dihantar sebagai peranti platform kosong. Ia tidak mempunyai perisian suara Vocollect—VoiceCatalyst atau VoiceClient—dipramuat.

- Dalam kotak teks **Tetapan Peranti Lanjutan**, taipkan parameter ini: "distributable"="1"

Nilai "1" menandakan profil peranti sebagai satu yang boleh dikongsi dengan peranti-peranti lain menggunakan sambungan bersiri antara ruang dalam pengecas T5/A500. Jika parameter ini tidak diletakkan dalam profil peranti atau jika nilainya ditetapkan kepada sifar, profil peranti tidak akan dikongsi.

- Ikut arahan pada bantuan dalam talian VoiceConsole untuk melengkapkan profil peranti.
- Gunakan kabel bersiri untuk memuatkan profil ini pada satu peranti.

 **Nota:** Jika profil peranti yang anda muatkan dikonfigurasi untuk digunakan dengan alamat IP statik, semua peranti akan mempunyai alamat IP yang sama.

Konfigurasi Mudah: Membawa Peranti Tambahan T5, T5m dan A500 ke Dalam Talian

Satu peranti telah dikonfigurasi menggunakan arahan Persediaan Awal Konfigurasi Mudah dan Bantuan Dalam Talian VoiceConsole. Arahan berikut adalah untuk mengkonfigurasi peranti tambahan.

1. Letakkan peranti T5, T5m atau A500 yang dikonfigurasi dengan betul ke dalam ruang hantar dalam pengecas. Apabila menghadap pengecas, ruang hantar ialah ruang pertama di sebelah kanan. Ia dikenal pasti dengan selak berwarna putih puda. Ruang-ruang lain mempunyai selak berwarna kelabu gelap.
2. Letakkan peranti T5, T5m atau A500 yang baharu atau dibaiki ke dalam baki ruang pengecas.
 - Penunjuk LED pada peranti yang belum dikonfigurasi memancarkan warna hijau sehingga peranti tersebut menentukan bahawa ia tidak dapat mencapai VoiceConsole.
 - Penunjuk LED memancarkan warna jingga sambil peranti tersebut cuba menyambung ke rangkaian untuk mendengar siaran fail.
 - Penunjuk LED memancarkan warna hijau dalam masa yang singkat sambil peranti tersebut menerima profil daripada peranti yang dikonfigurasi dan mengesahkan konfigurasi.
 - Penunjuk LED bertukar kepada warna merah padu sambil peranti tersebut but semula.
 - Apabila peranti tersebut telah menggunakan fail konfigurasi dan berjaya menghubungi VoiceConsole, penunjuk LED bertukar kepada warna hijau berkelip. Peranti tersebut kini sedia digunakan atau boleh digunakan dalam pengecas lain untuk membawa peranti tambahan ke dalam talian.

 **Nota:** Penunjuk kuasa AU di bahagian bawah sebelah kanan pengecas memaparkan cahaya berwarna hijau dan kuning yang berselang-seli apabila operasi Konfigurasi Mudah sedang berlaku. Peranti tidak harus dikeluarkan sehingga penunjuk individu pada peranti berkelip warna hijau atau penunjuk kuasa pengecas memaparkan cahaya berwarna hijau padu.

Menghidupkan Peranti Talkman

Sebelum menghidupkan peranti, pastikan set kepala dan bateri yang bercas disambungkan dengan betul kepadanya.

1. Tekan butang Main/Jeda pada peranti.
Penunjuk LED berbeza bergantung pada peranti yang sedang digunakan.

Jenis Peranti	Penunjuk
Siri A700	Lingkar adalah berwarna kuning dan berputar, kemudian segmen lingkaran bertukar kepada warna hijau padu.
Siri T2, Siri T5 dan A500	Mula-mula sekali bertukar kepada warna merah padu semasa pemproses but semula. Ia kemudiannya memancarkan warna merah dan hijau, bertukar kepada warna merah dan hijau padu, berkelip warna merah, kemudian bertukar kepada warna hijau padu.
T1	Bertukar kepada warna hijau padu

2. Peranti menyebut "Pengendali semasa ialah *nama pengendali*. Sila senyap selama beberapa saat. (Current operator is operator name. Please keep quiet for a few seconds)". Peranti kemudiannya memulakan sampel hingar.
3. Selepas berhenti sejenak, ia menyebut "Sila tunggu (Please wait)". Selepas berhenti sejenak sekali lagi, peranti mula menanyakan soalan atau memberikan arahan.

Mematikan Peranti Talkman

Gunakan kawalan butang untuk mematikan kuasa peranti Talkman dengan betul. Dalam sesetengah kes, peranti dimatikan secara automatik. Dalam kes yang jarang berlaku, set semula paksa mungkin perlu. Selepas peranti dimatikan sepenuhnya, anda boleh but semula peranti tersebut.

Mematikan Kuasa Menggunakan Butang Main/Jeda

Tekan terus butang **Play/Pause** sehingga penunjuk LED bertukar kepada warna merah. Peranti akan menyimpan apa-apa data yang belum dihantar. Selepas beberapa saat, peranti menyebut "Kuasa sedang dimatikan (Powering off)". Peranti dimatikan dan lampu penunjuk LED padam.



Awas:

- Jangan mengeluarkan bateri sehingga penunjuk LED telah padam. Jika anda mengeluarkan bateri semasa peranti dihidupkan atau tidur, apa-apa data yang dikumpulkan boleh hilang.
- Anda tidak harus mematikan peranti jika penunjuk LED berkelip warna merah (A500, siri T5 dan siri T2) atau mempunyai lingkaran berputar warna merah (A700), kecuali ia telah berkelip warna merah atau berputar warna merah selama beberapa minit. Jika peranti dimatikan dalam keadaan ini, ia mungkin belum sedia untuk digunakan apabila dihidupkan semula.

Kuasa Dimatikan Akibat Ketidakaktifan

Jika perisian peranti mengesan tiada aktiviti peranti selama tempoh tertentu, ia mematikan kuasa secara automatik.

Kuasa Dimatikan Akibat Aras Bateri Rendah

Jika perisian peranti mengesan bahawa aras bateri semasa amat rendah, ia mematikan kuasa secara automatik.

Mengebut Peranti Selepas Kuasa Dimatikan

Jika kuasa peranti dimatikan dengan betul, peranti melakukan operasi berikut selepas bateri diletakkan ke dalam peranti dan butang Main/Jeda ditekan:

- Mengambil sampel hingar latar belakang
- Meneruskan operasi di bahagian yang anda berhenti dalam tugas
- Memindahkan apa-apa templat yang belum dihantar sebelum kuasanya dimatikan kepada hos
- Memindahkan apa-apa rekod data output yang belum dihantar sebelum kuasanya dimatikan kepada hos
- Memindahkan apa-apa jadual carian yang belum diterima daripada hos sebelum kuasanya dimatikan kepada peranti

Set Semula Paksa

Jenis set semula ini digunakan dengan mengeluarkan bateri daripada peranti tanpa mematikan kuasanya dengan betul terlebih dahulu.



Awas: Lakukan set semula paksa hanya sebagai jalan terakhir. Jika anda but semula peranti dengan cara ini:

- kandungan ingatannya, termasuk apa-apa data yang dikumpulkan, akan hilang
- peranti bermula semula pada permulaan tugas
- jika anda dalam proses melatih semula perbendaharaan kata, peranti akan menghantar semua templat perbendaharaan kata kepada komputer hos apabila peranti dihidupkan semula. Jangan lakukan apa-apa sehingga templat telah dihantar kepada hos.

Apabila bateri digantikan dan peranti dihidupkan semula, ia akan but dan cuba memuatkan tugas and pengendali semasa. Sebaik sahaja tugas and pengendali berjaya dimuatkan, peranti tersebut bertindak sama seperti peranti yang baru saja memuatkan tugas atau pengendali baharu.

Tentang Penunjuk LED

Peranti Vocollect Talkman, set kepala SRX dan SRX2 serta pengecasnya mempunyai LED yang menunjukkan keadaan peralatan. LED ini mungkin bernyala, padam atau berkelip. Dalam sesetengah keadaan, LED akan berkelip, berselang-seli antara dua warna.

Jika LED menunjukkan bahawa terdapatnya masalah, rujuk maklumat penyelesaian masalah untuk menyelesaikan masalah tersebut. Lihat juga [Menyelesaikan Masalah yang Ditunjukkan oleh LED](#).

Penunjuk LED Peranti A500

LED	Status	Peranti A500
Hijau	Bernyala	Peranti dihidupkan
	Kelipan Pantas	Peranti berada dalam pengecas
	Kelipan Perlahan	Satu daripada yang berikut: • peranti dalam mod tidur dan tidak berada dalam pengecas • menu pemilihan aplikasi suara sedang digunakan • bahagian-bahagian tertentu perisian sedang dimuatkan
Merah	Bernyala Sekejap	Peranti sedang dihidupkan Peranti sedang dimatikan
	Bernyala Berterusan	Ralat, hubungi pentadbir sistem
	Berkelip	Satu daripada yang berikut: • mendapatkan dan memuatkan pengendali dari VoiceConsole • mendapatkan, membaca dan memuatkan aplikasi suara dari VoiceConsole • bahagian-bahagian tertentu perisian sedang dimuatkan
Ambar/Kuning	Padam	Wi-Fi dimatikan

LED	Status	Peranti A500
	Kelipan Pantas	Wi-Fi dihidupkan tetapi tidak disambungkan
	Kelipan Perlahan	Wi-Fi dihidupkan and disambungkan ke rangkaian wayarles
Biru (Penunjuk Bluetooth)	Padam	Bluetooth dimatikan
	Bernyala	Menemui
	Kelipan Pantas	Mengelui
	Kelipan Perlahan	Disambungkan
	Kelipan Berturut-turut	Peranti boleh ditemui

Memuatkan Templat Pengendali

Anda memerlukan peranti dengan bateri yang bercas, set kepala dan apa-apa peralatan lain (tali pinggang, pembaca kod bar) yang anda akan gunakan. Anda mesti berada dalam julat radio. Pastikan peranti dihidupkan atau tidur. Penunjuk LED haruslah berwarna sama ada hijau padu atau hijau berkelip (A500, siri T5 dan siri T2), hijau padu (T1) atau mempunyai segmen lingkaran berwarna hijau padu atau lingkaran hijau berputar (A700).

1. Tekan butang Pengendali.
Peranti menyebut "Pengendali semasa ialah *nama pengendali*. Pilih item menu (Current operator is operator name. Select menu item)".
2. Tekan butang + atau — sehingga peranti menyebut "Tukar pengendali (Change operator)".
3. Tekan butang Pengendali.
4. Peranti menyebut "Sila tunggu (Please wait)" dan mendapatkan senarai pengendali dan pasukan. Tunggu sehingga peranti menyebut "Pilih pasukan (Select team)".
 - Jika peranti menyebut "Pengendali semasa ialah (nama pengendali). Tukar pengendali (Current operator is (operator name). Change operator)", langkau ke langkah 8.
5. Tekan butang + atau — untuk menatal senarai pasukan pengendali sehingga anda mendengar nama pasukan anda.
6. Tekan butang pengendali.
Peranti menyebut "Sila tunggu (Please wait)" dan mendapatkan senarai semua pengendali dalam pasukan yang dipilih. Peranti kemudiannya menyebut "Pengendali semasa ialah (nama pengendali). Pilih pengendali baharu (Current operator is (operator name). Select new operator)".
7. Tekan butang + atau — untuk menatal senarai nama pengendali yang tersedia sehingga anda mendengar nama anda.
 - Jika anda tidak mendengar nama anda, tekan butang main/jeda berwarna kuning untuk membatalkan operasi ini dan mulakan semula dari langkah 2.
 - Apabila memilih pasukan dalam langkah 5, pilih pasukan "Semua Pengendali (All Operators)".
 - Runding dengan penyelia anda jika anda tidak disenaraikan dalam pasukan "Semua Pengendali (All Operators)".
8. Tekan butang pengendali.
Peranti menyebut "Memuatkan pengendali (Loading operator)" dan memuatkan templat anda. Sebaik sahaja ia memuatkan templat anda, peranti menyebut "Pengendali semasa ialah (nama pengendali anda)".

Selamat malam (Current operator is (your operator name). Good night)". Peranti kemudiannya memasuki mod tidur. Kali seterusnya anda menghidupkan peranti, ia sedia digunakan.

Melaraskan Suara

Setiap peranti Vocollect Talkman menggunakan perisian Vocollect Voice untuk memberikan arahan kepada pengendali dan meminta respons daripadanya.

Suara sebenar yang bercakap kepada pengendali boleh dilaraskan dalam beberapa cara supaya pengendali dapat mendengar dan memahami maklumat dengan jelas.

- Laraskan pic suara kepada lebih rendah atau lebih tinggi
- Laraskan kelantangan suara kepada lebih kuat atau lebih perlahan
- Laraskan kelajuan suara kepada lebih perlahan atau lebih cepat
- Tukar jantina suara kepada lelaki atau perempuan

Sebelum membuat apa-apa perubahan kepada suara:

Pastikan peranti dihidupkan atau tidur. Penunjuk LED haruslah berwarna sama ada hijau padu atau hijau berkelip (A500, siri T5 dan siri T2), hijau padu (T1) atau mempunyai segmen lingkaran berwarna hijau padu atau lingkaran hijau berputar (A700).

Melaraskan Pic

Pastikan peranti dihidupkan atau tidur. Penunjuk LED haruslah berwarna sama ada hijau padu atau hijau berkelip (A500, siri T5 dan siri T2), hijau padu (T1) atau mempunyai segmen lingkaran berwarna hijau padu atau lingkaran hijau berputar (A700).

 **Nota:** Anda hanya boleh melaraskan pic untuk bahasa tertentu dan Suara tertentu.

1. Tekan butang Pengendali.

Peranti menyebut "Pengendali semasa ialah *nama pengendali*". Pilih item menu (Current operator is operator name. Select menu item)".

2. Tekan butang + atau — sehingga peranti menyebut "Tukar pic (Change pitch)".

3. Tekan butang Pengendali.

Jika anda menggunakan butang + untuk menatal pilihan, Tukar Pic (Change Pitch) ialah item menu kelima dalam senarai.

4. Tekan butang + untuk meninggikan suara atau butang — untuk merendahkan suara.

Peranti menyebut "lebih tinggi (higher)" setiap kali anda menekan butang + dan "lebih rendah (lower)" setiap kali anda menekan butang —. Jika pic suara berada pada tetapan paling tinggi yang mungkin, ia menyebut "Ini paling tinggi (This is highest)". Jika pic suara berada pada tetapan paling rendah yang mungkin, ia menyebut "Ini paling rendah (This is lowest)".

 **Nota:** Anda boleh keluar dari menu ini tanpa mengubah tetapan dengan menekan butang Main/Jeda sebelum anda menekan butang Pengendali.

5. Apabila pic mencecah aras yang anda ingini, tekan butang Pengendali untuk menyimpan tetapan pic yang baharu.

Melaraskan Kelantangan Menggunakan Suara

Pastikan peranti dihidupkan atau tidur. Penunjuk LED haruslah berwarna sama ada hijau padu atau hijau berkelip (A500, siri T5 dan siri T2), hijau padu (T1) atau mempunyai segmen lingkaran berwarna hijau padu atau lingkaran hijau berputar (A700).

1. Sebut "Talkman, louder (Talkman, lebih kuat)" untuk meninggikan kelantangan atau "Talkman, softer (Talkman, lebih perlahan)" untuk mengurangkan kelantangan.
Jika peranti menyebut "Ini paling perlahan (This is softest)" atau "Ini paling kuat (This is loudest)", anda tidak boleh menguatkan atau memperlahkan lagi kelantangan.
2. Apabila kelantangan suara adalah kuat atau perlahan seperti yang anda mahu, sebut "Talkman continue (Talkman teruskan)" untuk kembali bekerja.

Melaraskan Kelantangan Menggunakan Butang Peranti

Pastikan peranti dihidupkan atau tidur. Penunjuk LED haruslah berwarna sama ada hijau padu atau hijau berkelip (A500, siri T5 dan siri T2), hijau padu (T1) atau mempunyai segmen lingkaran berwarna hijau padu atau lingkaran hijau berputar (A700).

Tekan butang + untuk menguatkan suara atau butang — untuk memperlahkan suara.
Peranti menyebut "lebih kuat (louder)" apabila butang + ditekan dan "lebih perlahan (softer)" apabila butang — ditekan. Jika kelantangan suara berada pada tetapan paling kuat yang mungkin, ia menyebut "Ini paling kuat (This is loudest)". Jika kelantangan suara berada pada tetapan paling perlahan yang mungkin, ia menyebut "Ini paling perlahan (This is softest)".

Melaraskan Kelajuan

Pastikan peranti dihidupkan atau tidur. Penunjuk LED haruslah berwarna sama ada hijau padu atau hijau berkelip (A500, siri T5 dan siri T2), hijau padu (T1) atau mempunyai segmen lingkaran berwarna hijau padu atau lingkaran hijau berputar (A700).

1. Tekan butang Pengendali.
Peranti menyebut "Pengendali semasa ialah *nama pengendali*. Pilih item menu (Current operator is operator name. Select menu item)".
2. Tekan butang + atau — sehingga peranti menyebut "Tukar kelajuan (Change speed)".
3. Tekan butang Pengendali.
Jika anda menggunakan butang + untuk menatal pilihan, Tukar Kelajuan (Change Speed) ialah item menu keempat dalam senarai.
4. Tekan butang + untuk mempercepatkan suara atau butang — untuk memperlahkan suara.
Peranti menyebut "lebih cepat (faster)" setiap kali anda menekan butang + dan "lebih perlahan (slower)" setiap kali anda menekan butang —. Jika kelajuan suara berada pada tetapan paling cepat yang mungkin, ia menyebut "Ini paling cepat (This is fastest)". Jika kelajuan suara berada pada tetapan paling perlahan yang mungkin, ia menyebut "Ini paling perlahan (This is slowest)".
 **Nota:** Anda boleh keluar dari menu ini tanpa mengubah tetapan dengan menekan butang Main/Jeda sebelum anda menekan butang Pengendali.
5. Apabila kelajuan suara yang disebut adalah cepat atau perlahan seperti yang anda mahu, tekan butang Pengendali untuk menyimpan tetapan kelajuan yang baharu.

Menukar Jantina Penutur

Pastikan peranti dihidupkan atau tidur. Penunjuk LED haruslah berwarna sama ada hijau padu atau hijau berkelip (A500, siri T5 dan siri T2), hijau padu (T1) atau mempunyai segmen lingkaran berwarna hijau padu atau lingkaran hijau berputar (A700).

1. Tekan butang Pengendali.

Peranti menyebut "Pengendali semasa ialah *nama pengendali*. Pilih item menu (Current operator is operator name. Select menu item)".

2. Tekan butang + atau — sehingga ia menyebut "Tukar penutur (Change speaker)".

3. Tekan butang Pengendali.

Jika anda menggunakan butang + untuk menatal pilihan, Tukar Penutur (Change Speaker) ialah item menu keenam dalam senarai.

4. Tekan butang + atau — untuk mendengar penutur seterusnya.

Peranti menyebut "Ini suara perempuan (This is female)" apabila ia menukar kepada suara perempuan atau "Ini suara lelaki (This is male)" untuk menandakan suara lelaki.



Nota: Anda boleh keluar dari menu ini tanpa mengubah tetapan dengan menekan butang Main/Jeda sebelum anda menekan butang Pengendali.

5. Apabila anda dengar penutur yang anda mahu gunakan, tekan butang Pengendali untuk memilih penutur itu.

Memahami Perintah Talkman

Peranti Talkman menggesa pengendali untuk memberikan respons yang khusus kepada kerja arahan suara yang dia lakukan. Walau bagaimanapun, beberapa perintah Talkman yang asas boleh ditutur oleh pengendali pada hampir bila-bila masa ketika menggunakan peranti tersebut.

Anda mahu...	Perintah Lisan
mendengar gesaan semasa semula	"Say again (Sebutkan sekali lagi)"
meletakkan peranti dalam mod tidur	"Talkman sleep (Talkman tidur)"
membangkitkan peranti	"Talkman wake up (Talkman bangkit)"
memadam respons sebelumnya supaya anda boleh memberikan respons kepada gesaan yang sama semula (VoiceClient sahaja)	"Talkman backup (Talkman buat sandaran)"
menyemak cas yang masih ada pada bateri Talkman A700 (VoiceCatalyst 2.0 dan lebih baharu sahaja)	"Talkman battery status (Talkman status bateri)"
mendengar arahan untuk respons anda kepada gesaan semasa	"Talkman help (Talkman bantu)"
mendengar senarai perbendaharaan kata yang anda boleh sebut pada gesaan semasa	"Talkman help (Talkman bantu)"
menunjukkan masalah dan menghantar petikan fail log kepada VoiceConsole (VoiceCatalyst 1.2 dan lebih baharu sahaja)	"Talkman report problem (Talkman laporkan masalah)"

Pilihan untuk Pengguna Cacat Pendengaran

Produk-produk Vocollect direka bentuk untuk orang yang mempunyai aras pendengaran yang sederhana. Pengendali yang menggunakan peranti bantu pendengaran mungkin perlu mempertimbangkan sedikit pelarasan apabila menggunakan set kepala Vocollect dalam persekitaran gudang pengeluaran.

Vocollect mengesyorkan percubaan kombinasi beberapa perubahan asas pada operasi peranti Talkman untuk meningkatkan kebolehdengaran:

- Tukar suara bahasa menggunakan VoiceConsole (lihat Bantuan Dalam Talian VoiceConsole)
- Laraskan pic suara kepada lebih rendah atau lebih tinggi
- Laraskan kelantangan suara kepada lebih kuat atau lebih perlahan
- Laraskan kelajuan suara kepada lebih perlahan atau lebih cepat
- Tukar jantina suara kepada lelaki atau perempuan

Pengguna mungkin mendapati bahawa peranti bantu mereka melakukan hingar latar belakang tambahan yang menyukarkannya untuk mendengar gesaan peranti Talkman. Dalam keadaan ini, Vocollect mengesyorkan penggunaan set kepala jenis cawan untuk membantu menyingkirkan input yang mengganggu daripada peranti bantu.

Jika pengguna terus mengalami masalah untuk mendengar peranti Talkman selepas mencuba pilihan-pilihan ini, Vocollect amat mengesyorkan agar merujuk kepada pakar perubatan. Hilang pendengaran ialah keadaan perubatan yang memerlukan perhatian ahli audiologi yang berkelayakan. Ahli audiologi tersebut harus diberitahu tentang pelbagai pilihan yang produk-produk Vocollect tawarkan dengan pic, kelantangan dan nada sisi supaya beliau boleh memberikan pengesyoran yang sesuai yang dapat memanfaatkan pengguna tanpa kesan sampingan yang mungkin. Sokongan Teknikal Vocollect boleh bercakap dengan ahli audiologi pengguna untuk menerangkan pilihan-pilihan ini dan mengubah konfigurasi peranti Talkman berdasarkan pengesyoran khusus daripada ahli audiologi.

 **Awas:** Terdapat pelbagai parameter yang boleh meninggikan lagi aras output peranti Talkman. Vocollect tidak mengesyorkan perubahan mana-mana tetapan ini dengan cara yang meninggikan aras output bunyi tanpa merujuk kepada ahli audiologi yang berkelayakan. Mengubah tetapan ini tanpa penyeliaan pakar perubatan yang berkelayakan boleh mengakibatkan kerosakan pendengaran tambahan.

Produk-produk Vocollect dan pilihan-pilihan lalainya telah diukur dan layak untuk memastikan keselamatan audio bagi aliran kerja biasa dan populasi umum. Parameter audio lalai tidak harus diubah tanpa arahan yang jelas daripada pakar audio yang berkelayakan.

Penerbitan Vocollect, Menilai Keselamatan Audio di Pusat Edaran Anda, menerangkan kepentingan mengekalkan keselamatan audio dalam persekitaran kerja. Rakan niaga Vocollect boleh mendapatkan penerbitan ini di <https://www.voiceworld.com>.

Prosedur Pembersihan Peralatan Honeywell

Produk-produk Honeywell Vocollect Solutions mempunyai hayat perkhidmatan yang lama jika disenggara dengan betul. Ikut amalan pembersihan yang disyorkan.

Walaupun peralatan Honeywell dikilang dan diuji agar tahan kotoran dan mendapan biasa daripada persekitaran tempat kerja, tokokan sisa boleh merosakkan peralatan dan merosotkan prestasi sambil masa berlalu.

- Kotoran atau kakisan boleh menghalang kedudukan terminal dalam pengecas dengan betul dan boleh menyebabkan pengecasan terputus-putus.
- Sentuhan Penyambung Talkman® (TCO) yang mengumpul kotoran, bahan kimia dan kakisan boleh menyebabkan sentuhan terputus-putus, statik dan masalah pengecaman.

- Kotoran berlebihan pada selaput pad kekunci boleh menyebabkan selaput menjadi semakin lemah dan koyak.



Awas: Gunakah **hanya** larutan 70% isopropil alkohol dan air untuk membersihkan peralatan. Produk-produk lain belum lagi diuji dan boleh merosotkan peralatan.

Membersihkan Bahagian Plastik

Membersihkan Bahagian Plastik Keras

Bersihkan bahagian plastik keras pada set kepala, peranti, pengecas dan bateri menggunakan kain lembut yang dibasahkan dengan larutan 70% isopropil alkohol dan 30% air.

Gunakan berus lembut untuk memastikan kawasan saku pengecas sentiasa bersih daripada debu dan serpihan yang boleh mengganggu kedudukan peralatan atau sentuhan elektrik.

Membersihkan Bahagian Busa dan Plastik Mudah lentur

Bersihkan bahagian busa set kepala (pad telinga dan pad cekak kepala) serta cekak mudah lentur dan pad bukan busa menggunakan sabun lembut dan air. Basuh pad dengan berhati-hati agar tidak terkoyak atau tertanggal.

Keringkan bahagian-bahagian tersebut dengan cara kering udara. Penggunaan sumber haba tertumpu seperti pengering rambut atau pengering pakaian tidak disyorkan.

Gantikan pad yang amat kotor seperti penutup mikrofon set kepala.

Membersihkan Sentuhan

Bersihkan sentuhan rata pada peranti seperti Penyambung Talkman (TCO) atau sentuhan rata pada bateri dan pengecas menggunakan larutan 70% isopropil alkohol.

Gunakan kain tanpa lin yang lembut atau pengelap yang dibasahkan terlebih dahulu dengan alkohol. Elakkan penggunaan kain dengan serat yang panjang dan tebal kerana serat tersebut boleh melekat pada penyambung dan mengakibatkan sentuhan terputus-putus.

Singkirkan kakisan menggunakan pemadam lembut (contohnya, pemadam pensel). Pemadam mestilah dalam keadaan baik (lembut, mudah dilenturkan dan tidak haus sehingga tapak). Ujian yang baik adalah dengan menggosok pemadam tersebut pada kulit anda. Jika ia berasa kasar, jangan gunakannya kerana ia akan merosakkan permukaan penyambung.

Anda juga boleh menggunakan berus pembersih tiga baris dengan bulu kejur babi semula jadi untuk menyingkirkan kotoran pada sentuhan dengan memberusnya secara lembut. Lap dengan alkohol kali terakhir selepas ini harus memastikan sentuhan yang bersih.

Jangan sekali-kali bengkokkan atau manipulasikan sentuhan bateri.

Hubungi Pusat Perkhidmatan Vocollect yang berdaftar untuk membaiki atau menggantikan sentuhan yang amat terkakis, bengkok atau hilang.

Bab 3

Talkman A500 VMT

Talkman A500 VMT ialah peranti A500 dengan penyesuai bateri yang dilekapkan pada kenderaan seperti forklift atau jek palet bermotor. Selepas peranti dilekapkan, penyesuai bateri diletakkan ke dalam ruang bateri peranti A500 dan disambungkan ke sumber kuasa kenderaan.

Peranti Talkman dalam konfigurasi ini boleh menggunakan apa-apa peralatan berwayar atau wayarles (set kepala, pengimbas, dll.). Vocollect menjual penyelesaian lengkap termasuk kit lekapan dan sistem kuasa untuk membolehkan mana-mana peranti Talkman A500 digunakan dalam konfigurasi A500 VMT.

⚠ Awas: JANGAN LIHAT PERANTI/UNIT SEMASA MENGENDALIKAN JENTERA UNTUK MENGELOKKAN TIMBULNYA GANGGUAN YANG BOLEH MENYEBABKAN KEMALANGAN DAN KECEDERAAN ANGGOTA KEPADA PENGENDALI DAN ORANG KETIGA.

Ikut arahan di bawah untuk memasang peranti dengan betul di dalam forklift.

- Tentukan lokasi terbaik untuk melekapkan peranti dengan mempertimbangkan medan pandangan pemandu.
- Pasang perkakasan lekapan yang sesuai.
- Sambungkan peranti ke sistem pendawaian kenderaan.

Lekapan untuk Talkman A500/T5 VMT

Lekapan Skru ialah pilihan lekapan yang dipasang dengan bolt pada permukaan pegun di dalam kenderaan.

Lekapan Pengapit ialah pilihan lekapan yang dikapit pada permukaan pegun di dalam kenderaan. Ini juga boleh dipasang dengan bolt pada permukaan pegun, jika diingini.

Lekapan Pencengkam juga dikapit pada permukaan pegun, tetapi boleh dikapit pada permukaan berbentuk ganjil, mengufuk atau menegak.



Rajah 7: Lekapan Skru



Rajah 8: Lekapan Pengapit



Rajah 9: Lekapan Pencengkam

Aksesori Talkman A500/T5 VMT

Talkman A500/T5 VMT direka bentuk untuk dipasang menggunakan perkakasan RAM® Mounting Systems. Vocollect membekalkan pendakap lekapan untuk A500/T5 dan perkakasan lekapan daripada RAM Mounting Systems. Pilihan pendakap lekapan perkakasan tambahan boleh dibeli terus daripada RAM Mounting Systems (www.ram-mount.com) untuk menyesuaikan pemasangan.

A500/T5 VMT mesti dilekapkan pada permukaan yang kukuh.



Rajah 10: Bahagian-bahagian Lekapan Skru



Rajah 11: Lekapan Skru



Rajah 12: Bahagian-bahagian Lekapan Pengapit



Rajah 13: Lekapan Pengapit



Rajah 14: Penyesuai Bateri



Rajah 15: Bekalan Kuasa

 **Nota:** Anda boleh menyediakan bekalan kuasa anda sendiri, tetapi ia mesti membekalkan 12-15 V pada 1 Amp dan mesti dihadkan kepada kurang daripada 250 VA (Watt). Jika anda memilih untuk

menyediakannya sendiri, anda masih perlu membeli kabel penyesuai bateri dan penyesuai bateri untuk sambungan akhir ke peranti A500 atau Siri T5.



Nota: Konfigurasi ini tidak memerlukan anda untuk menyambungkan peranti A500 atau Siri T5 ke sumber kuasa kenderaan. Jika diingini, atas sebab-sebab pengendalian, peranti A500 atau Siri T5 boleh digunakan dalam konfigurasi VMT menggunakan bateri Vocollect.

Menempatkan Talkman A500/T5 VMT

- Tentukan tempat terbaik untuk peranti dan semua komponen berkaitan. Jika peranti yang serupa telah dipasang sebelum ini, periksa untuk memastikan tempat yang digunakannya sesuai untuk peranti ini.
- Uji pemasangan selama sekurang-kurangnya 30 minit sebelum memasang pada kenderaan lain. Catatkan semua maklumat terperinci:
 - Periksa bahawa tempat peranti tidak menghalang kawalan kenderaan.
 - Periksa bahawa peranti tidak menghalang pandangan pemandu.
 - Periksa tempat peranti untuk keselesaan pengguna bagi tempoh yang panjang.

Memasang Pendakap Lekapan untuk Talkman A500/T5 VMT

Bahagian-bahagian berikut dibekalkan oleh Vocollect untuk memasang lekapan skru:

# Item	Kuantiti	Penerangan
1	2	Lekapan Kenderaan, Lekapan Skru Pemegang/Dasar
2	1	Lekapan Kenderaan, Lengan
3	1	Lekapan Kenderaan, Pemegang

Bahagian-bahagian berikut dibekalkan oleh Vocollect untuk memasang lekapan pengapit:

# Item	Kuantiti	Penerangan
1	1	Lekapan Kenderaan, Pengapit
2	1	Lekapan Kenderaan, Lengan
3	1	Lekapan Kenderaan, Pemegang
4	1	Lekapan Kenderaan, Lekapan Skru Pemegang/Dasar

1. Gerudi lubang yang diperlukan untuk memasang dasar dengan kukuh pada kenderaan. Jika menggunakan lekapan pengapit, langkau langkah ini.
2. Skrukan atau kapit dasar pada lokasi.



Nota: Bubuh sedikit pelincir (contohnya, minyak ringan atau anti-ikatan) pada ulir skru lekapan pengapit.

3. Pasang dasar lain pada hujung lain lengan dan ketatkannya sebaik sahaja diletakkan di lokasi yang diingini dengan memutar tuil pengunci mengikut arah jam.
4. Skrukan pemegang peranti pada dasar.

5. Masukkan peranti ke dalam pemegang dan masukkan penyesuai bateri ke dalam peranti.
6. Sambungkan kabel dari bekalan kuasa ke penyesuai bateri.

Untuk mencegah getaran, lengan pendakap lekapan tidak harus menyentuh batang bola dasar. Dengan kata lain, lengan tidak harus disengetkan terlalu banyak sehinggakan bahagian-bahagian ini bersentuhan.



Menyambungkan Kabel ke Bekalan Kuasa dan Memasang Bekalan Kuasa pada Kenderaan

Bahagian-bahagian berikut dibekalkan oleh Vocollect untuk memasang bekalan kuasa 12 atau 24 volt kenderaan pada peranti:

# Item	Kuantiti	Penerangan
1	1	Bekalan Kuasa, Input 9-36 VDC
2	1	Kabel dari bekalan kuasa ke penyesuai bateri

Bahagian-bahagian berikut dibekalkan oleh Vocollect untuk memasang bekalan kuasa 36 atau 48 volt kenderaan pada peranti:

# Item	Kuantiti	Penerangan
1	1	Bekalan Kuasa, Input 18-60 VDC
2	1	Kabel dari bekalan kuasa ke penyesuai bateri

Anda akan memerlukan peralatan berikut:

- Satu Kabel dari bekalan kuasa ke sumber kuasa kenderaan. Vocollect mengesyorkan kabel terkadar industri dengan spesifikasi berikut: Bilangan konduktor = 3, Tolok wayar = 16, Suhu = -40C hingga 90C
- Pengikat kabel

Awas: Garis Panduan Am untuk Melalukan Kabel Elektrik

- Kenderaan mesti dimatikan dan bateri kenderaan mesti diputuskan sambungan.
- Kabel tidak harus diletakkan di atas permukaan yang boleh menjadi panas.
- Kabel tidak harus dilalukan sehinggakan ia boleh tersangkut pada bahagian-bahagian yang bergerak.
- Kabel tidak harus dilalukan di bahagian luar kenderaan.
- Kabel tidak harus mempunyai pusingan 90 darjah, jejari bengkok minimum tidak harus kurang daripada satu inci.
- Untuk menyingkirkan bahagian yang kendur pada kabel, ia harus dilingkarkan dan diikat dengan kukuh di dalam kenderaan dengan pengikat kabel.
- Untuk keselamatan maksimum, fuis harus berada seberapa dekat yang boleh dengan sumber kuasa.

- Untuk melindungi A500/T5 VMT daripada pusuan kuasa dan untuk melakukan penukaran voltan, modul penukar dipasang di antara A500/T5 VMT dan bateri forklift.

1. Putuskan sambungan bateri kenderaan.
2. Tanggalkan empat skru pada bahagian atas bekalan kuasa untuk mendedahkan terminal skru.
3. Pada kabel dari bekalan kuasa ke sumber kuasa kenderaan, kikis tiga kabel tersebut untuk mendedahkan lebih kurang 5 mm kuprum. Pastikan kabel cukup panjang untuk menyambungkan bekalan kuasa ke sumber kuasa kenderaan.
4. Pada kabel berwarna kuning dari penyesuai bateri ke bekalan kuasa, kikis kabel berwarna hitam dan coklat untuk mendedahkan lebih kurang 5 mm kuprum. Kabel berwarna biru tidak diperlukan; ia boleh dipangkas di bahagian ia keluar dari kabel berwarna kuning. Pastikan kabel cukup panjang untuk menyambungkan bekalan kuasa ke sumber kuasa kenderaan.
5. Sambungkan kabel dari penyesuai bateri ke bekalan kuasa dengan melakukan langkah-langkah di bawah.

- Longgarkan skru di bahagian sambungan akan dibuat pada bekalan kuasa.
- Padankan kabel dengan lokasi yang betul seperti yang ditunjukkan dalam carta di bawah:

Kabel	Penyambung Output
Coklat – Positif Penyesuai Bateri	+
Hitam – Negatif Penyesuai Bateri	-
Tiada sambungan diperlukan	GND
Biru (dipangkas)	Tidak berkaitan

- Ketatkan skru.
- Pastikan kabel diikat dengan kukuh.

6. Sambungkan kabel dari sumber kuasa kenderaan ke bekalan kuasa dengan melakukan langkah-langkah di bawah:

- Longgarkan skru di bahagian sambungan akan dibuat pada bekalan kuasa.
- Padankan kabel dengan lokasi yang betul seperti yang ditunjukkan dalam carta di bawah:

Kabel	Penyambung Input
Putih (mungkin berbeza bergantung pada kabel) – Positif Kenderaan	+
Hitam (mungkin berbeza bergantung pada kabel) – Negatif Kenderaan	-
Hijau - Bumi Kenderaan: Ikut pengesyoran pengilang peralatan untuk menyambungkan terminal bumi sarung bekalan kuasa.	GND

- Ketatkan skru.
- Pastikan kabel diikat dengan kukuh.

7. Sebaik sahaja semua kabel berjaya dipasang, gunakan pengikat kabel untuk mengikat kabel dengan kukuh.



Rajah 16: Kabel Disambungkan ke Bekalan Kuasa

8. Letakkan bekalan kuasa di tempat yang tidak mengganggu, seperti di bawah papan pemuka forklift dan pasanginya pada permukaan yang kukuh dengan pengikat kabel. Sebagai alternatif, bekalan kuasa boleh dipasang dengan kukuh dengan bolt menggunakan slot lekapan.



Rajah 17: Bekalan Kuasa Dipasang pada Permukaan Kukuh Kenderaan

9. Lalukan kabel yang menyambungkan penyesuai bateri ke bekalan kuasa dari bekalan kuasa ke lokasi di mana A500/T5 VMT akan dilekapkan
10. Sambungkan wayar berwarna kuning ke penyesuai bateri dengan memasang penyambung dan mengetatkan nat.

Menyambungkan Peranti A500/T5 VMT ke Sumber Kuasa Kenderaan


Anda akan memerlukan peralatan berikut:

- Dua pemegang fuis daripada Cooper Bussman. Vocollect mengesyorkan penggunaan fuis kalis air sebaris siri HFA Cooper Bussmann.
- Dua fuis. Vocollect mengesyorkan fuis SLO BLO 2 A 250 V.
- Tiga penyambung penyodok
- Empat pengikat kabel kecil
- Kancing

Vocollect mengesyorkan pemilihan kuasa tidak tersuis sebagai sumber bekalan kuasa. Ini akan membenarkan peranti Talkman dikuasakan untuk kemas kini perisian serta menghalang peranti Talkman daripada tidak mempunyai kuasa secara tidak sengaja sekiranya kenderaan tiba-tiba dimatikan dengan tidak sengaja.

1. Tanggalkan semua sumber kuasa daripada kenderaan.
2. Singkirkan apa-apa panjang berlebihan pada kabel input yang datang dari bekalan kuasa.

3. Sambungkan fuis kepada kabel yang berdekatan dengan hujung bateri kabel itu. Tanggalkan lebih kurang 4 inci penebatan luar daripada kabel.
4. Dedahkan lebih kurang 10 mm kuprum pada wayar positif dan negatif.
5. Masukkan kuprum terdedah ke dalam pemegang fuis dan lenturkan pada wayar positif dan negatif menggunakan alat yang diluluskan.
6. Sambungkan wayar hijau ke litar bumi kenderaan.
7. Sambungkan wayar putih berfuis ke sumber kuasa positif kenderaan menggunakan penyambung yang sesuai. Ini mungkin perlu dilenturkan pada wayar.
8. Sambungkan wayar hitam berfuis ke sumber kuasa negatif kenderaan menggunakan penyambung yang sesuai. Ini mungkin perlu dilenturkan pada wayar.
9. Pasang bekalan kuasa seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah berikut.



Rajah 18: Pasang Bekalan Kuasa

- 10.** Ikat wayar dengan kukuh menggunakan pengikat kabel.

Menanggalkan Peranti A500/T5 VMT daripada Kenderaan

Komponen-komponen Talkman A500/T5 VMT direka bentuk agar mudah ditanggalkan untuk servis kenderaan sekali-sekala, penyenggaraan atau keperluan pengendalian yang fleksibel.

⚠ Awas: Vocollect tidak mengesyorkan penanggakan kabel (CM-710-101, CM-710-102) daripada penyesuai bateri kecuali diperlukan untuk servis sekali-sekala (iaitu maksimum sekali sebulan). Penanggakan kabel-kabel ini secara berlebihan boleh merosakkan penyesuai tersebut dan kabel. Jenis penggunaan ini tidak dilindungi oleh waranti atau pelan servis kerana ia merupakan penggunaan produk tidak dirancang yang khususnya tidak disyorkan.

1. Tanggalkan penyesuai bateri daripada peranti.
2. Tempatkan penyesuai bateri dalam bahagian sisi pemegang VMT.

Ini menjadikan peranti bebas untuk dialihkan dan penyesuai bateri serta kabel berada pada tempatnya dan dilindungi.



Awas: Penyesuai bateri haruslah sentiasa bersambung dengan kabel dan berada pada tempatnya apabila tidak digunakan untuk mencegah kerosakan kabel atau sentuhan penyesuai dengan permukaan berlogam secara tidak sengaja.

Amalan Terbaik Pemasangan VMT

Peranti dan aksesori Talkman direka bentuk untuk memberikan perkhidmatan yang boleh diharap *apabila digunakan mengikut pengesyoran*. Ribuan pengguna peralatan Talkman VMT di seluruh dunia yang telah mengikut amalan terbaik yang digariskan di sini kini menikmati peningkatan produktiviti dengan peranti Talkman disepadukan pada kenderaan mereka.

- **Jangan tanggalkan peranti Talkman daripada konfigurasi VMT**

Peranti Talkman VMT direka bentuk dan bertujuan untuk pemasangan mudah. Ia tidak direka bentuk untuk ditanggalkan dengan kerap.

Vocollect mengesyorkan supaya peranti, kabel dan penyesuai bateri Talkman VMT dibiarkan dalam kedudukannya selepas dipasang di dalam kenderaan. Walaupun komponen-komponen ini boleh ditanggalkan untuk disenggarakan atau digunakan buat sementara di kawasan lain, ia tidak seharusnya ditanggalkan sebagai sebahagian daripada operasi biasa.

Jika peranti Talkman mesti ditanggalkan, penyesuai bateri kekal dalam dok penyesuai bateri.




Rajah 19: Penyesuai bateri ditempatkan dalam konfigurasi VMT



Awas: Penanggalan kerap Talkman, penyesuai bateri dan/atau kabel berkemungkinan akan menyebabkan kerosakan mekanikal premasa pada kabel dan/atau penyesuai bateri. Kerosakan ini tidak dilindungi oleh waranti produk normal.

- **Lindungi peranti Talkman daripada kerosakan**

Peranti Talkman harus dilekapkan pada kenderaan di lokasi yang pengendali boleh mengakses kawalan Talkman dengan mudah dan di mana peranti dilindungi dengan baik daripada pelanggaran atau kerosakan semasa kenderaan sedang digunakan. Walaupun lekapan dalam ceruk menawarkan perlindungan yang baik, pemasang mesti memastikan bahawa lekapan ini tidak mengganggu kesambungan Wi-Fi atau Bluetooth™ peranti Talkman tersebut.



Rajah 20: Lokasi lekapan yang dilindungi oleh kenderaan tetapi terbuka untuk penerimaan wayarles yang baik

- **Pertimbangkan pilihan tambahan daripada RAM® Mounts**

Bahagian-bahagian Vocollect yang disediakan untuk melekapkan peranti Talkman mewakili sebilangan kecil pilihan lekapan yang boleh didapati daripada RAM Mounts (www.rammount.com). Vocollect hanya memerlukan pengguna membeli BL-710-1, pemegang lekapan kenderaan untuk Talkman. Apabila digunakan dengan lekapan dasar jenis skru (BL-710-102) atau bahagian-bahagian lain yang menggunakan lekapan bola 1 inci, konfigurasi VMT mungkin memerlukan bahagian-bahagian tambahan yang boleh dibeli daripada RAM Mounts bagi pemasangan optimum.



Rajah 21: Lekapan skru menggunakan pemegang lekapan BL-710-1

Khususnya, bahagian-bahagian standard RAM Mounts berikut memberikan kefleksibelan lekapan tambahan.

Penerangan Bahagian	Nombor Bahagian	Penggunaan	Imej
Penyesuai bola berganda 1 inci	RAM-B-230U	Penyesuai ini menawarkan lebih persendian untuk mengendalikan dan menempatkan peranti Talkman di kawasan yang dilindungi pada kenderaan.	
Panjang lengan soket berganda B Bola A	RAM-B-201U-A	Panjang lengan ini dan lengan lain menawarkan pilihan kesesuaian terbaik untuk kenderaan.	

- **Kuncikan bahagian-bahagian pada tempatnya jika ia mungkin bergerak semasa operasi biasa**

Bahagian-bahagian yang digunakan untuk melekapkan Talkman direka bentuk bagi kedudukan tetap dengan pelarasan mudah. Walaupun tidak mungkin berlaku, bahagian-bahagian ini boleh menjadi longgar

melalui masa akibat kesan penggunaan harian yang tidak sengaja—terutamanya jika lekapan tidak dipasang dengan kukuh atau jika pekerja cuba melaraskan lekapan secara manual.

Untuk mencegah isu ini, tanggalkan pemegang yang boleh dilaraskan oleh pengguna pada lengan dan pasang nat kunci nilon 1/4 inci #20 yang disediakan dengan kit Vocollect VMT. Nat kunci tidak dapat dilonggarkan dengan tangan dan tahan kebanyakan getaran.

- **Ikat kabel VMT dengan kukuh**

Kabel dan pendawaian yang menyambungkan Talkman VMT mesti diikat dengan kukuh pada kenderaan supaya ia tidak tersangkut pada mana-mana bahagian. Kabel yang tersangkut boleh mengakibatkan kemalangan dan kerosakan pada VMT atau kenderaan.

Kabel yang digambarkan di sini tidak akan terkeluar dari penjajaran dan tidak mungkin tersangkut pada mana-mana bahagian semasa kenderaan bergerak. Ambil perhatian bahawa terdapat cukup bahagian yang kendur dalam kabel di sebelah kanannya supaya penyesuai bateri dapat ditanggalkan atau dipasang di dalam peranti Talkman.



Rajah 22: Kabel diikat dengan kukuh pada kenderaan

Hujung kabel yang disambungkan ke penyesuai bateri haruslah cukup panjang untuk memudahkan penyesuai bateri diputuskan sambungan dan ditempatkan tetapi tidak terlalu panjang sehinggakan ia tersangkut pada mana-mana bahagian.

Kabel boleh diikat dengan kukuh ke bahagian bawah penyesuai menggunakan dua lubang pada bahagian bawah kawasan dok penyesuai. Jika kabel tersebut diikat dengan kukuh melalui cara ini, gunakan pembalut kabel berpilin, yang dibekalkan dengan penyesuai Talkman VMT, untuk memberikan perlindungan tambahan.



Rajah 23: Kabel diikat dengan kukuh pada kenderaan

Untuk menyempurnakan lekapan ini:

- Letakkan lebih kurang 2.50 inci pembalut berpilin (garis pusat luar 0.25 inci) pada kabel berwarna kuning dengan pertengahannya di 9 atau 10 inci dari penyambung hujung kabel.

- Menggunakan pengikat kabel (lebar maksimum 0.1 inci), lekatkan bahagian balutan kabel kepada endul RAM menggunakan lubang pada bahagian bawah kawasan dok penyesuai seperti ditunjukkan.

Pengkabelan ke penyesuai bateri di dalam kenderaan juga harus diikat dengan kukuh dan dikekalkan dengan kemas untuk mencegah kabel daripada bergerak dan mengalami kerosakan tidak sengaja atau litar pintas. Kabel harus dijauhkan daripada mana-mana bahagian yang bersendi. Julat penuh artikulasi harus dilakukan untuk memastikan bahawa apa-apa operasi kenderaan tidak akan menjejaskan kabel tersebut secara fizikal.

Bab 4

Pengecas

Vocollect menawarkan unit pengecas yang boleh mengecas satu bateri atau lebih yang ditanggalkan atau terpasang di dalam peranti Talkman.

Peranti Talkman harus diletakkan ke dalam pengecas apabila tidak digunakan. Pengecas akan mengecas bateri peranti sementara menyambung ke komputer hos untuk memuat turun aplikasi suara yang baharu, mengkonfigurasi semula tetapan peranti dan mengemas kini perisian peranti.



Awas:

- Jauhkan peranti dari air dan lembapan sepanjang masa. Jika terdapat wap pada bateri akibat penggunaan dalam persekitaran yang dingin seperti penyejuk beku, keringkan bateri sebelum meletakkannya ke dalam pengecas.
- Hanya bateri yang diluluskan oleh Vocollect harus diletakkan ke dalam pengecas bateri. Jangan cuba mengecas mana-mana jenis bateri yang lain dalam pengecas.



Nota:

- Jangan letakkan peranti ke dalam pengecas tanpa memasang bateri padanya.
- Peranti sentiasa dihidupkan apabila berada dalam pengecas. Apabila peranti yang dimatikan kuasa diletakkan ke dalam pengecas, ia akan dihidupkan secara automatik.
- Pengecas siri A700, A500/T5 dan T1 boleh mengecas bateri yang ditanggalkan dan juga terpasang di dalam peranti.
- Vocollect mengesyorkan supaya peranti pelindung seperti bekalan kuasa tanpa gangguan dengan keupayaan pelindung pusuan dan penangkap kilat digunakan dengan pengecas bateri.

Pengecas Kombinasi T5/A500



Rajah 24: Pengecas Kombinasi 10 Ruang T5/A500

- Pengecas Kombinasi 10 Ruang T5/A500 dapat menampung lima peranti pada satu masa dan sebarang kombinasi model peranti T5, T5m dan A500.
- Pengecas ini dapat menampung dan mengecas sepuluh bateri - lima bateri dalam slot bateri atas dan lima bateri yang bersambung kepada peranti dalam slot peranti bawah.

- Pengecas ini juga boleh berkongsi konfigurasi satu peranti dengan peranti lain yang dicas pada masa yang sama.
- Pengecas T5/A500 boleh diletakkan pada dinding menggunakan kit lekapan dinding yang boleh didapati.

 **Nota:** Jangan letakkan peranti ke dalam pengecas tanpa memasang bateri padanya.

Jika peranti telah dihidupkan dan digunakan selama lebih daripada lapan jam, ia akan dimatikan secara automatik dan kemudian dihidupkan semula selepas berada dalam pengecas selama lima minit. Selain itu, peranti yang berada dalam pengecas selama lebih daripada lapan jam akan dimatikan secara automatik dan kemudian dihidupkan semula.

Pengecas Kombinasi Satu Ruang T5/A500

- Pengecas Kombinasi Satu Ruang T5/A500 juga boleh didapati. Ia mengandungi satu bateri slot dan satu slot peranti. Pengecas ini dapat menampung satu peranti pada satu masa serta menampung dan mengecas sehingga dua bateri pada satu masa - satu bateri dalam slot atas dan satu bateri di dalam peranti dalam slot bawah.

Menyambungkan Bekalan Kuasa ke Pengecas Kombinasi T5/A500

1. Sambungkan kord AU di hujung kiri bekalan kuasa yang dilekapkan dalam pengecas.
2. Lalukan kabel menerusi klip plastik seperti yang ditunjukkan.



Rajah 25: Kabel Dilalukan Menerusi Klip Plastik

3. Tolak klip untuk menguncikan kord tersebut dalam kedudukannya.

Pengecas Kombinasi T5/A500 Lekapan Dinding

Unit ini menyediakan permukaan yang sesuai untuk melekapkan Pengecas Kombinasi 10 Ruang T5/A500 dan bekalan kuasanya pada dinding.


- Pemasangan oleh pelanggan diperlukan.
- Berhati-hati akan potensi bahaya (wayar elektrik, garis air, dll.) apabila menggerudi lubang pandu.
- Pelanggan menanggung segala tanggungjawab untuk pemasangan unit ini.
- Pengecas peranti tidak boleh mempunyai pengecas lain betul-betul di atasnya. Sebahagian daripada papan putih (disertakan) mesti diletakkan di atas setiap pengecas peranti.
- Jika anda menggerudi ke dalam stad dinding apabila menggerudi lubang pandu untuk salah satu penambat, jangan gunakan penambat dengan lubang itu.
- Penambat terendah untuk setiap penyemperitan mestilah minimum 12 inci dari lantai.

- Elakkan daripada menyekat saluran keluar kuasa dan peranti dinding lain apabila memasang penyemperitan dan unit pengecas.

Memasang Pengecas T5/A500 Lekapan Dinding

Bahagian	Anda akan memerlukan
• 1 pendakap lekapan • 4 penambat skru penggerudian sendiri #10 • 4 sesendal, rata #10, biasa jenis B • 4 skru, kepala pan Phillips #10	• Gerudi dengan bit 1/8 inci • Pemutar skru, Phillips #2 • Helaian templat penggerudian (disertakan)

1. Menggunakan templat penggerudian, tandakan empat lubang untuk penambat. Ambil perhatian bahawa terdapat dua set penanda pandu; satu set untuk stad dinding dengan pusat 12 inci dan satu set untuk stad dinding dengan pusat 16 inci.
Lubang penambat bawah mesti sekurang-kurangnya 12 inci dari lantai.
2. Gerudi lubang pandu untuk penambat dan skrukan penambat ke dalam lubang.
3. Letakkan pendakap lekapan supaya sisi ratanya bersandar pada dinding, sejajar dengan penambat dan pin lekapan menghadap arah yang bertentangan dengan dinding.
4. Masukkan skru menembusi sesendal dan lubang dalam pendakap, kemudian ke dalam penambat. Ketatkan skru. Ulang langkah ini untuk skru yang tinggal.
5. Condongkan pengecas ke belakang dan gelongsorkannya pada dinding dengan menjajarkan tab pada bahagian atas pendakap dengan takuk pada bahagian belakang pengecas.
6. Samakan kedudukan pengecas agar sokongan pada bahagian bawah pendakap adalah di bawah pengecas.



Rajah 26: Sokongan Di Bawah Pengecas

Tentang Penunjuk LED

Peranti Vocollect Talkman, set kepala SRX dan SRX2 serta pengecasnya mempunyai LED yang menunjukkan keadaan peralatan. LED ini mungkin bernyala, padam atau berkelip. Dalam sesetengah keadaan, LED akan berkelip, berselang-seli antara dua warna.

Jika LED menunjukkan bahawa terdapatnya masalah, rujuk maklumat penyelesaian masalah untuk menyelesaikan masalah tersebut. Lihat juga [Menyelesaikan Masalah yang Ditunjukkan oleh LED](#).

Penunjuk LED Pengecas A500/Siri T5

Pasangan penunjuk pada bahagian atas adalah berkaitan dengan slot bateri pengecas. Pasangan pada bahagian bawah pula adalah berkaitan dengan slot peranti. Keadaan LED yang diterangkan di sini adalah berkaitan dengan pasangan pada bahagian bawah.

 **Nota:** Jika tiada peranti dalam pengecas atau jika peranti dalam pengecas tidak mempunyai bateri dan salah satu keadaan ini berlaku, putuskan sambungan pengecas dari sumber kuasanya selama lebih

kurang lima saat, kemudian sambungkan semula pengecas. Jika keadaan ini berterusan, pulangkan pengecas untuk diservis.

Warna Penunjuk Kiri	Warna Penunjuk Kanan	Jika peranti yang mempunyai bateri berada dalam pengecas...
Tiada	Tiada	Selesaikan masalah tersebut
Hijau	Hijau	Bateri sudah dicas dan sedia digunakan.
Merah	Tiada	Bateri sedang dicas.
Merah Berkelip	Tiada	Bateri mungkin tidak dimasukkan ke dalam pengecas dengan betul. Jika LED terus berkelip warna merah selepas memasukkan bateri ke dalam pengecas dengan betul, selesaikan masalah pengecas.
Tiada	Kuning	Bateri mungkin tidak dimasukkan ke dalam pengecas dengan betul. Bateri mungkin terlalu panas atau terlalu sejuk. Tunggu sehingga suhu bateri kembali normal.

Bab 5

Menyelesaikan Masalah Peralatan

Kadangkala anda tidak akan melihat penunjuk LED berubah warna atau mendengar mesej ralat, tetapi akan melihat beberapa tanda lain wujudnya masalah. Cari penerangan di bawah yang paling tepat menerangkan hal yang anda lihat. Ikut langkah-langkah dalam urutan sehingga isu tersebut diselesaikan; mula dengan pilihan pertama dan lihat sama ada itu dapat menyelesaikan masalah anda sebelum beralih kepada pilihan kedua. Jika tiada satu pun daripada langkah-langkah yang disenaraikan dapat menyelesaikan masalah tersebut, hubungi Vocollect untuk menghantar balik peralatan untuk pembaikan atau bercakap dengan wakil sokongan.

Saya Tidak Dapat Mendengar Apa-apa melalui Set Kepala

1. Pastikan peranti mempunyai bateri yang dicas penuh.
2. Pastikan set kepala tersebut disambungkan dengan betul kepada peranti.
3. Cuba set kepala tersebut pada peranti yang tidak mengalami masalah.
4. Cuba set kepala lain pada peranti yang mengalami masalah.
5. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula.
6. But semula peranti.
7. Jika anda menggunakan set kepala SRX atau SRX2, pastikan set kepala anda berpasangan dengan peranti anda.
8. Jika set kepala rosak, pulangkannya kepada Vocollect untuk dibaiki.

Peranti Berbunyi Bip Setiap Beberapa Saat

1. Tunggu beberapa minit. Enjin suara mungkin berkomunikasi dengan hos.
2. Jika bunyi bip berterusan lebih daripada beberapa minit, rujuk kepada pentadbir.
3. Pentadbir boleh menyemak log peranti dalam VoiceConsole untuk cuba mendiagnosis masalah itu.

Peranti Tidak Akan Memuatkan Aplikasi Suara

1. Cuba muatkan aplikasi suara sekali lagi. Lihat bantuan dalam talian VoiceConsole untuk mendapatkan arahan.
2. Pastikan peranti diletakkan dengan betul dalam pengecas.
3. Semak mesej ralat dalam VoiceConsole.
4. Pastikan bahawa anda berada dalam julat radio titik capaian.
5. Pastikan parameter ChangeTaskEnabled peranti ditetapkan kepada 1.
6. But semula peranti.
7. Letakkan peranti dalam mod nyahpeijat untuk mencari petunjuk kepada masalah itu.

Peranti Tidak Akan Memuatkan Templat Pengendali

1. Pastikan bahawa anda memuatkan pengendali dengan betul.
2. Pastikan bahawa pengendali sudah mencipta templat suara.
3. Pastikan bahawa anda berada dalam julat radio.
4. But semula peranti.

Peranti Tidak Memberikan Respons kepada Tekanan Butang

1. Pastikan peranti mempunyai bateri yang dicas penuh.
2. But semula peranti.
3. Pulangkan peranti kepada Vocollect untuk dibaiki.

Peranti Tidak Akan Hidup

1. Pastikan bateri didudukkan dengan betul pada peranti.
2. Pastikan peranti mempunyai bateri yang dicas penuh.
3. Pulangkan peranti kepada Vocollect untuk dibaiki.

Peranti Asyik Dimatikan

1. Tukar bateri.
2. Pastikan bahawa anda meletakkan bateri dengan betul.
3. Periksa petak bateri pada peranti untuk memastikannya tidak rosak. Jika rosak, pulangkan peranti kepada Vocollect untuk dibaiki.
4. Semak fail-fail tong ranap dalam VoiceConsole menggunakan nombor siri khusus peranti ini.

Panduan Penyelesaian Masalah untuk Pengecas Bateri Talkman A500/T5

Topik ini menerangkan beberapa isu yang boleh timbul dengan Pengecas Bateri Talkman A500/T5, puncanya dan cara anda dapat mengesahkan puncanya.

Jika ini berlaku...	Cuba langkah-langkah ini...	Jika langkah-langkah itu tidak berfungsi...
Peranti tanpa bateri tidak akan hidup kuasa apabila diletakkan dalam slot pengecas tertentu, tetapi akan hidup kuasa dalam slot lain sama ada dalam pengecas ini atau pengecas lain.	Periksa untuk melihat sama ada sentuhan pada peranti dan pengecas adalah bersih. Jika tidak, ikut prosedur pembersihan dan cuba semula.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.

Jika ini berlaku...	Cuba langkah-langkah ini...	Jika langkah-langkah itu tidak berfungsi...
	Periksa slot pengecas untuk menentukan sama ada terdapat isu penjajaran mekanikal. Seharusnya tiada ruang atau sedikit sahaja ruang di antara dua pancang plastik depan dan pinggir saku. Jika item seperti kad kredit akan muat dalam ruang ini, mungkin terdapat isu penjajaran.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Sahkan bahawa peranti duduk dengan betul dalam slot pengecas yang mengalami masalah. Sahkan bahawa peranti akan mengecas dalam slot lain pengecas tersebut.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
LED pada bahagian depan pengecas tidak menunjukkan bahawa pengecasan sedang berlangsung apabila bateri diletakkan dalam saku bateri.	Sahkan bahawa kabel kuasa AU pengecas disambungkan dengan kukuh di kedua-dua hujung.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Sahkan bahawa peranti dinding AU menerima kuasa.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Sahkan bahawa talian kuasa AT dari blok kuasa pengecas juga disambungkan dengan kukuh.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
LED pada bahagian depan pengecas tidak menunjukkan bahawa pengecasan sedang berlangsung apabila bateri diletakkan dalam saku bateri. Peranti tanpa bateri diletakkan dalam slot dan hidup kuasa. Ini berlaku dalam semua slot.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
LED slot pengecas bateri berkelip warna merah dengan serta-merta selepas bateri atau peranti yang mempunyai bateri diletakkan dalam slot bateri atau peranti.	Periksa slot pengecas untuk menentukan sama ada terdapat isu penjajaran mekanikal. Seharusnya tiada ruang atau sedikit sahaja ruang di antara dua pancang plastik depan dan pinggir saku. Jika item seperti kad kredit akan muat dalam ruang ini, mungkin terdapat isu penjajaran.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Tentukan sama ada isu ini hanya berlaku dengan satu bateri tertentu yang tidak terlampau lama dan bateri-bateri lain yang berusia lebih kurang sama tidak mempamerkan simptom ini.	Hantar bateri tersebut ke Pusat Pembaikan Berdaftar Vocollect untuk dinilai.

Jika ini berlaku...	Cuba langkah-langkah ini...	Jika langkah-langkah itu tidak berfungsi...
	Periksa untuk melihat sama ada sentuhan pada peranti dan pengecas adalah bersih. Jika tidak, ikut prosedur pembersihan dan cuba semula.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Tentukan sama ada isu ini hanya berlaku dengan satu bateri tertentu yang sangat lama.	Buang bateri tersebut.
LED slot pengecas bateri berkelip warna merah 1.5 hingga 3 saat selepas bateri atau peranti diletakkan dalam slot.	Periksa untuk melihat sama ada sentuhan pada peranti dan pengecas adalah bersih. Jika tidak, ikut prosedur pembersihan dan cuba semula.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Jika bateri tersebut masih dalam waranti, hantar balik untuk penggantian.	
	Tentukan sama ada isu ini hanya berlaku dengan satu bateri tertentu yang sangat lama.	Buang bateri tersebut.
LED slot pengecas bateri berkelip warna merah lebih daripada 3 saat selepas bateri atau peranti diletakkan dalam slot.	Jika bateri tersebut masih dalam waranti, hantar balik untuk penggantian.	
	Tentukan sama ada isu ini hanya berlaku dengan satu bateri tertentu yang sangat lama.	Buang bateri tersebut.
Semua LED berwarna merah untuk slot pengecas bateri memancar dan hanya akan berhenti jika kuasa pengecas dikitar.	Periksa untuk melihat sama ada sentuhan pada peranti dan pengecas adalah bersih. Jika tidak, ikut prosedur pembersihan dan cuba semula.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Gantikan semua peranti dalam pengecas dengan set peranti yang lain, kitar kuasa pengecas tersebut dan sahkan sama ada keadaan berterusan. Secara berturut-turut, keluarkan satu peranti daripada pengecas dan uji semula sehingga pengecas tersebut tidak lagi mempamerkan masalah. Peranti terakhir yang dikeluarkan berkemungkinan akan merupakan peranti yang mengalami masalah. Sahkan semula ini dengan meletakkan semula semua peranti dalam pengecas kecuali peranti terakhir.	Jika peranti tersebut ialah punca masalah, pulangkannya untuk dibaiki. Jika punca masalah ialah bateri yang masih dalam waranti, gantikannya. Jika punca masalah ialah bateri yang lama, buangkannya.

Jika ini berlaku...	Cuba langkah-langkah ini...	Jika langkah-langkah itu tidak berfungsi...
Semua LED berwarna ambar pengecas bateri memancar dalam corak bulatan.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
LED slot pengecas bateri berkelip warna merah apabila bateri diletakkan dalam slot, tetapi ini tidak berlaku dalam slot bateri lain.	Periksa sentuhan pengecas bateri dan pastikan bahawa ia kelihatan sama dengan sentuhan dalam slot yang berfungsi. Bateri harus muat elok-elok ke dalam slot.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
	Periksa untuk melihat sama ada sentuhan pada peranti dan pengecas adalah bersih. Jika tidak, ikut prosedur pembersihan dan cuba semula.	Gantikan atau baiki pengecas tersebut. Ini tidak dapat dibetulkan oleh pelanggan.
LED kuasa pada pengecas 5 ruang tidak selalu berwarna hijau tetapi memancarkan cahaya berwarna ambar.	Ini merupakan operasi biasa dan menunjukkan bahawa parameter "DISTRIBUTABLE" telah ditetapkan kepada "1" untuk peranti dalam slot utama (tab berwarna kelabu). Terdapat komunikasi data pada port bersiri peranti dalam slot utama. Ini menyebarkan konfigurasi peranti kepada yang lain dalam slot supaya peranti baharu boleh diakses dengan mudah melalui VoiceConsole tanpa konfigurasi bersiri.	

 **Amaran:** Gantikan bateri hanya dengan bateri lain yang telah diluluskan oleh Honeywell untuk produk yang anda gunakan. Penggunaan bateri yang tidak diluluskan boleh menimbulkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran atau bahaya lain. Lihat juga [Keselamatan Bateri Honeywell](#)

Menyelesaikan Masalah yang Ditunjukkan oleh LED

Peranti dan pengecas Vocollect Talkman serta set kepala SRX dan pengecasnya mempunyai LED yang menunjukkan keadaan peralatan. LED ini mungkin bernyala, padam atau berkelip. Dalam sesetengah keadaan, LED akan berkelip, berselang-seli antara dua warna.

Jika LED menunjukkan bahawa terdapat masalah, ikut langkah-langkah penyelesaian masalah untuk menyelesaikan masalah itu.

1. Periksa sentuhan bateri dan sentuhan pengecas untuk memastikan tiada kotoran atau halangan lain yang mungkin menghalang sentuhan daripada menyambung dengan betul.
2. Bersihkan sentuhan, jika perlu.
 - a) Gunakan kapas kesat isopropil alkohol (isopropanol) atau kain lembut yang dilembapkan dengan isopropil alkohol untuk membersihkan titik sambungan berlogam.
 - b) Jika kotoran atau sisa tidak dapat disingkirkan dengan kapas kesat atau kain beralkohol, gunakan pemadam getah bukan pelelas yang lembut untuk membersihkan titik sambungan berlogam. Anda

juga boleh menggunakan berus pembersih am gaya berus gigi tiga baris dengan bulu kejur babi semula jadi untuk menyingkirkan kotoran pada sentuhan dengan memberusnya secara lembut.

c) Lap sekali lagi dengan isopropil alkohol.

3. Cuba pelbagai kombinasi bateri dan pengecas untuk menentukan sama ada keadaan itu khusus pada bateri atau pengecas.

- Jika keadaan itu khusus pada bateri, berikan bateri tersebut kepada pentadbir sistem anda.
- Jika keadaan itu khusus pada pengecas, putuskan sambungan pengecas tersebut dari sumber kuasanya selama lebih kurang lima saat, kemudian sambungkannya semula. Uji pengecas tersebut dengan bateri. Jika keadaan yang sama berlaku, pulangkan pengecas tersebut untuk diservis.

Tentang Mesej Ralat

Mesej ralat mungkin salah satu daripada dua jenis:

Mesej Bernombor dipaparkan dalam VoiceConsole sebagai nilai angka ralat, diikuti dengan mesej teks yang dipaparkan dalam Nyahpepijat. Jika anda terlihat mesej ralat bernombor dalam VoiceConsole, lihat topik Mesej Ralat Bernombor.

Mesej Lisan didengari melalui set kepala. Jika anda terdengar mesej ralat melalui set kepala, lihat topik Mesej Ralat Lisan.

 **Nota:** Tidak semua mesej ralat bernombor yang dipaparkan dalam VoiceConsole mempunyai mesej lisan yang sepadan.

Mesej Ralat Bernombor

Nombor	Teks	Penyelesaian
0x020a	Pengawalan kesan peristiwa gagal.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
0x0203	Kawalan peristiwa gagal untuk mencipta modul data kongsi.	
0x0206	Bateri semakin lemah.	
0x0207	Bateri semakin lemah. Tukar bateri sekarang.	Tukar bateri.
0x0208	Bateri sangat lemah. Kuasa sedang dimatikan. Mesti menggantikan bateri selepas kuasa dimatikan sepenuhnya.	
0x0602	Prosedur pensampelan hingar gagal.	—
0x0603	Prosedur pensampelan hingar tamat tempoh.	—
0x0605	Nama fail pengendali tidak sah.	—
0x060c	Melatih mengembalikan status buruk kepada UpdTrain.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.

Nombor	Teks	Penyelesaian
0x060e	Tidak dapat melatih perkataan. Tidak cukup ingatan kilat kosong.	—
0x0802	Bertutur gagal untuk mengasal dengan betul.	1. Semak fail tong ranap. Untuk maklumat lanjut, lihat bantuan dalam talian VoiceConsole. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
0x0804	Pertuturan keluar gagal. Kegagalan sistem audio.	
0x1201	Penutupan dialog gagal.	
0x1202	Tugas tidak dimuatkan. Tiada nama tugas boleh didapati.	—
0x1203	OperLoad gagal -- TmplSend sibuk.	—
0x1204	Muat pengendali gagal.	—
0x1205	Data pengendali rosak.	—
0x1206	Sampel hingar gagal.	—
0x1207	Tiada pengendali dalam pasukan ini.	—
0x1208	Tidak boleh mendapatkan kembali fail-fail pengendali.	—
0x1209	Ralat dalaman memuatkan pengendali.	—
0x120a	Muat tugas gagal.	—
0x120b	Mod swaujian ditetapkan, tetapi tiada fail skrip ditemui.	—
0x120c	Tiada fail senarai tugas ditemui. Tugas tidak berubah.	—
0x120d	Ralat perisian semasa mengubah tugas. Tugas tidak berubah.	—
0x120e	Gagal untuk memuatkan jadual carian. Muat tugas gagal.	—
0x1210	Gagal untuk memuatkan fail konfigurasi pelagakan terminal. Muat tugas gagal.	—
0x1211	Fail konfigurasi pelagakan terminal rosak. Muat tugas gagal.	—
0x1212	Fail tugas rosak. Muat tugas gagal.	—
0x1213	Gagal untuk memuatkan fail konfigurasi Vocollect tugas. Muat tugas gagal.	—
0x1214	Gagal untuk menulis fail pendaftaran maklumat pengangkutan rangkaian rekod data output. Muat tugas gagal.	—

Nombor	Teks	Penyelesaian
0x1215	Gagal untuk menulis fail matikan terminal dialog dalam pengecas terminal selepas muat tugas atau pengendali.	1. Muatkan semula pengendali. 2. Muatkan semula tugas. 3. Muatkan semula VoiceClient.
0x1216	Melatih semula perkataan gagal. Sila cuba semula.	—
0x1217	Mengasal pengendali gagal. Sila muatkan semula pengendali.	—
0x1218	Gagal untuk memuatkan fail fonetik tugas. Muat tugas gagal.	—
0x1219	Gagal untuk memuatkan fail audio tugas. Muat tugas gagal.	—
0x1402	Ralat komunikasi: Ralat terima perkhidmatan mesej proses.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
0x1403	Ralat komunikasi: Ralat hantar perkhidmatan mesej proses.	
0x1406	Ralat komunikasi: Ralat GetIdFromName perkhidmatan mesej proses.	
0x140a	Ralat komunikasi: Tidak dapat menutup fail konfigurasi Vocollect.	
0x140f	Ralat komunikasi: Tidak dapat menghapuskan fail konfigurasi Vocollect.	
0x1410	Ralat komunikasi: Pendaftaran maklumat pengangkutan rangkaian Vocollect gagal.	
0x1411	Ralat komunikasi: Mesej perkhidmatan mesej proses tidak dikenali.	
0x1414	Ralat komunikasi: Tidak dapat mewujudkan proses kod bar.	
0x1415	Ralat komunikasi: Tidak dapat mewujudkan proses bersiri.	
0x1417	Ralat komunikasi: Perintah FTP buruk.	
0x141b	Ralat komunikasi: Perintah soket buruk.	
0x1420	Ralat: Tidak dapat mengasal port kod bar.	
0x1421	Alamat IP atau nama hos Mod Paparan buruk.	

Nombor	Teks	Penyelesaian
0x1422	Nama atau port perkhidmatan Mod Paparan buruk.	
0x1423	Ralat: Tidak dapat mengasas port COM Nyahpepijat/latihan.	
0x1425	Alamat IP atau nama hos soket buruk.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient. 4. Muatkan semula tugas. 5. Sahkan rekod data output (ODR) dan jadual carian (LUT) tugas mempunyai maklumat hos dan perkhidmatan soket yang betul dan sah. Jika anda memerlukan bantuan, hubungi Vocollect.
0x1426	Nama atau port perkhidmatan soket buruk.	
0x1427	Tidak dapat menghantar fail melalui soket. Tidak dapat dibuka.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
0x142a	Nama atau port perkhidmatan Terminal Manager tidak sah.	—
0x142c	Pengurus sesi Telnet gagal untuk bermula.	—
0x142d	Proses klien Telnet gagal untuk bermula.	—
0x142e	Proses pelagakan Telnet VT220 gagal untuk bermula.	—
0x142f	Tidak dapat membuka hantar fail data, bagi hantaran telnet.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
0x1430	Ralat, Tidak Dapat Mengasas Port Pencetak.	
0x1431	Tidak dapat mencetak label, tidak dapat membuka fail.	
0x1432	Ralat Pencetak, Ralat Hantar Perkhidmatan Mesej Proses.	
0x1433	Ralat Komunikasi, Tidak dapat mewujudkan proses pencetak.	
0x1600	Pengawalan Pengurus Fail gagal.	
0x1601	Terima perkhidmatan mesej proses Pengurus Fail gagal.	
0x1602	Amaran, ingatan kilat rendah.	—
0x1603	Amaran, ingatan kilat rendah. Anda mesti memuat naik data terkumpul anda sekarang.	—

Nombor	Teks	Penyelesaian
0x1a01	Pengawalan data sejarah proses gagal.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
0x1a02	Terima perkhidmatan mesej proses data sejarah proses gagal.	
0x1a03	Cuba semula perkhidmatan mesej proses data sejarah proses gagal.	
0x1a04	Ralat struktur penerang fail data sejarah proses.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. Muatkan semula tugas. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
0x1a05	Ralat struktur jadual carian data sejarah proses.	
0x1a06	Ralat tulis tong ke rekod data sejarah proses.	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
0x1a09	Ralat penutupun data sejarah proses.	
0x1a0b	Penerang fail data pengawalan perkhidmatan mesej proses data sejarah proses gagal.	
0x1e01	Pengawalan pelagakan terminal video gagal.	
0x1e02	Terima perkhidmatan mesej proses pelagakan terminal video gagal.	
0x2100	Ingatan kilat gagal untuk menguntukkan peranti kilat secara maya.	—
0x2101	Ingatan kilat gagal untuk mengasal peranti bagi sistem fail.	—
0x2102	Ingatan kilat gagal untuk menyalin peranti kilat secara maya.	—
0x2104	Ingatan kilat gagal kerana argumen blok padam tidak sah.	—
0x2105	Pustaka kilat gagal semasa padam.	—
0x2106	Ingatan kilat gagal kerana argumen penuding tulis kilat tidak sah.	—
0x2107	Pustaka kilat gagal semasa tulis.	—
0x2108	Ingatan kilat gagal kerana argumen penuding baca kilat tidak sah.	—
0x2109	Pustaka kilat gagal semasa baca.	—
0x210a	Pustaka kilat gagal semasa menghapuskan fail.	—
0x210b	Pustaka kilat gagal semasa mencari fail.	—

Nombor	Teks	Penyelesaian
0x210c	Ingatan kilat gagal untuk membuka fail yang ditentukan dalam RAM.	—
0x210d	Ingatan kilat gagal untuk membaca fail yang ditentukan dari RAM.	—
0x210e	Ingatan kilat gagal untuk menulis fail yang ditentukan ke RAM.	—
0x210f	Pustaka kilat gagal semasa membuka fail.	—
0x2110	Pustaka kilat gagal semasa menutup fail.	—
0x2111	Ingatan kilat mempunyai senarai terpaut penjana imej fail kilat yang tidak sah.	—
0x2112	Ingatan kilat penuh. Sila tunggu sementara Talkman dimatikan.	—
0x2115	Pustaka kilat gagal. Tidak ada lagi ruang kosong.	—
0x2116	Pustaka kilat gagal semasa tuntut semula.	—

Mesej Ralat Lisan

Mesej Ralat	Penyelesaian
"Bateri sangat lemah. Kuasa sedang dimatikan. Mesti menggantikan bateri selepas kuasa dimatikan sepenuhnya (Battery is very low. Powering off. Must replace battery after power off complete)."	Tukar bateri.
"Bateri semakin lemah (Battery is getting low)."	Tukar bateri.
"Bateri semakin lemah. Tukar bateri sekarang (Battery is getting low. Change battery now)."	Tukar bateri.
"Tidak boleh memuatkan pengendali semasa menghantar templat (Cannot load operator while sending templates)."	Tunggu sehingga semua templat telah dimuatkan, kemudian muatkan pengendali.
"Tidak boleh memuatkan tugas. Memproses data (Cannot load task. Processing data)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. Muatkan semula tugas. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Fail tugas rosak. Muat tugas gagal (Corrupt task file. Task load failed)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. Muatkan semula tugas. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.

Mesej Ralat	Penyelesaian
"Fail konfigurasi pelagakan peranti rosak. Muat tugas gagal (Corrupt device emulation config file. Task load failed)."	
"Data pengendali rosak (Corrupted operator data)."	Muatkan semula pengendali.
"Gagal untuk memuatkan jadual carian. Muat tugas gagal (Failed to load lookup table. Task load failed)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. Muatkan semula tugas. 4. But semula peranti. 5. Muatkan semula VoiceClient.
"Gagal untuk memuatkan fail audio tugas. Muat tugas gagal (Failed to load task audio file. Task load failed)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. Muatkan semula tugas. 4. But semula peranti. 5. Muatkan semula VoiceClient.
"Gagal untuk memuatkan fail fonetik tugas. Muat tugas gagal (Failed to load task phonetic file. Task load failed)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. Muatkan semula tugas. 4. But semula peranti. 5. Muatkan semula VoiceClient.
"Gagal untuk memuatkan fail VCF tugas. Muat tugas gagal (Failed to load task VCF file. Task load failed)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. Muatkan semula tugas. 4. But semula peranti. 5. Muatkan semula VoiceClient.
"Gagal untuk memuatkan fail konfigurasi pelagakan peranti. Muat tugas gagal (Failed to load device emulation config file. Task load failed)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. Muatkan semula tugas. 4. But semula peranti. 5. Muatkan semula VoiceClient.
"Gagal untuk menulis fail pendaftaran NTI ODR. Muat tugas gagal (Failed to write the ODR NTI registration file. Task load failed)."	1. Muatkan semula tugas. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.

Mesej Ralat	Penyelesaian
"Ralat perisian tegar semasa mengubah tugas. Tugas tidak berubah (Firmware error while changing task. Task not changed)."	1. Muatkan semula tugas. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Ralat ingatan kilat (Flash error)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
"Ingatan kilat penuh. Sila tunggu sementara Talkman dimatikan (Flash is full. Please wait while Talkman turns off)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Bateri set kepala semakin lemah (Headset battery is getting low)."	Tukar bateri.
"Bateri set kepala semakin lemah. Tukar bateri set kepala sekarang (Headset battery is getting low. Change headset battery now)."	Tukar bateri.
"Mengasah pengendali gagal. Sila muatkan semula pengendali (Initializing operator failed. Please reload operator)."	1. Muatkan semula pengendali. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Ralat dalaman memuatkan pengendali (Internal error loading operator)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
"Nama fail pengendali tidak sah (Invalid operator file name)."	Pilih pengendali semula atau muatkan pengendali lain.
"Nama atau alamat Hos Pengurus peranti tidak sah (Invalid device Manager Host name or address)."	
"Nama atau port Perkhidmatan Pengurus peranti tidak sah (Invalid device Manager Service name or port)."	
"Tiada fail senarai tugas ditemui. Tugas tidak berubah (No task list file found. Task unchanged)."	1. Muatkan semula tugas. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Prosedur pensampelan hingar gagal (Noise sampling procedure failed)."	1. Ambil sampel hingar semula.

Mesej Ralat	Penyelesaian
	2. Pergi ke lokasi yang lebih senyap dan ambil sampel hingar sekali lagi. 3. Cuba gunakan set kepala lain dan ambil sampel hingar. Nota: Jika ini menyelesaikan masalah tersebut, set kepala yang pertama mungkin rosak.
"Prosedur pensampelan hingar tamat tempoh (Noise sampling procedure timed out)."	1. Ambil sampel hingar semula. 2. But semula peranti.
"Muat pengendali gagal (Operator load failed)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Ralat mati kuasa (Power-off error)."	1. Hidupkan kuasa peranti. 2. But semula peranti.
"Mod swaujian ditetapkan, tetapi tiada fail skrip ditemui (Self test mode set, but no script file found)."	Edit fail konfigurasi tugas, taskname.vcf dan ubah baris selftest=1 kepada selftest=0.
"Ralat perisian semasa mengubah tugas. Tugas tidak berubah (Software error while changing task. Task unchanged)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. Muatkan semula tugas. 4. But semula peranti. 5. Muatkan semula VoiceClient.
"Muat tugas gagal (Task load failed)."	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. Muatkan semula tugas. 4. But semula peranti. 5. Muatkan semula VoiceClient.
"Tugas tidak dimuatkan. Tiada nama tugas boleh didapati (Task not loaded. No task name available)."	1. Muatkan semula tugas. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Proses klien Telnet gagal untuk bermula (Telnet client process failed to start)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.

Mesej Ralat	Penyelesaian
"Pengurus sesi Telnet gagal untuk bermula (Telnet session manager failed to start)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
"Proses pelagakan Telnet VT220 gagal untuk bermula (Telnet VT220 emulation process failed to start)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
"Tidak dapat menerima data input (Unable to receive input data)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
"Tidak boleh mendapatkan kembali fail-fail pengendali (Unable to retrieve operator files)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
"Tidak dapat menghantar data output (Unable to send output data)."	1. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 2. But semula peranti. 3. Muatkan semula VoiceClient.
"Tidak dapat melatih perkataan. Tidak cukup ingatan kilat kosong (Unable to train words. Not enough free flash memory)."	1. Tunggu sehingga peranti tidur. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient.
"Amaran, ingatan kilat rendah! (Warning, low flash memory!)"	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient. 5. Letakkan peranti ke dalam pengecas secepat mungkin.
"Amaran, ingatan kilat rendah! Anda mesti memuat naik data terkumpul anda sekarang! (Warning, low flash memory! You must upload your collected data now!)"	1. Pergi ke kawasan yang diketahui mempunyai liputan yang baik. 2. Matikan peranti dan kemudian hidupkannya semula. 3. But semula peranti. 4. Muatkan semula VoiceClient. 5. Letakkan peranti ke dalam pengecas secepat mungkin.

Menghubungi Sokongan Teknikal

Bahagian ini menerangkan perkara yang anda akan perlukan sebelum menghubungi sokongan teknikal dengan isu yang anda hadapi dan cara untuk mengumpulkan fail-fail yang diperlukan.

Maklumat Am yang Diperlukan untuk Kebanyakan Permintaan Sokongan

Jenis Peranti	Model Vocollect Talkman
	Pengilang/model peranti bukan Talkman
	Model set kepala Vocollect
	Set kepala lain
	Jenis pembaca kod bar
Perisian Vocollect Voice	Versi VoiceClient yang dipaparkan dalam VoiceConsole
	Versi VoiceCatalyst yang dipaparkan dalam VoiceConsole
Vocollect VoiceConsole	Versi VoiceConsole
Log Peranti	Sudahkah anda mula merakam log peranti?
	Bersedia untuk menyerahkan fail-fail ini kepada pusat sokongan teknikal anda.

Soalan Lazim yang perlu Dijawab apabila Menghubungi Sokongan

- Adakah permintaan perkhidmatan sebelum ini untuk masalah / soalan yang sama ditutup sebagai belum diselesaikan?
- Berapa ramai pengguna terjejas?
- Berapa kerap isu ini berlaku?
- Apakah kaedah penyelesaian semasa?
- Bilakah kali pertama isu ini berlaku?
- Bagaimanakah ini mempengaruhi perniagaan?
- Adakah terdapat apa-apa perubahan tentang persekitaran?

Mendayakan Pengelogan Peranti dalam VoiceConsole

1. Pilih **VoiceConsole > Pengurusan Peranti > Peranti**.
2. Klik nama peranti yang anda mahu dayakan pengelogan.
Tetingkap sifat untuk peranti itu akan muncul.
3. Dayakan pengelogan untuk peranti itu. Bergantung pada versi VoiceConsole yang anda jalankan:

VoiceConsole 2.x	Aktifkan kotak semak Dayakan dalam bahagian Pengelogan .
VoiceConsole 3.x dan lebih baharu	Klik pautan Edit peranti terpilih . Dalam bahagian pengelogan halaman Edit Peranti, pilih Didayakan dari senarai jantai bawah Pengelogan Didayakan .

4. Selepas isu dirakam dalam fail log, eksport fail log tersebut melalui tetingkap Sifat Peranti.

5. Simpan fail tersebut dan hantarkannya kepada Sokongan Teknikal bersama dengan maklumat lain yang berkaitan.

Tentang Menghantar Balik Peralatan untuk Pembaikan

Penting:

- Hanya peralatan yang dibeli terus daripada Honeywell boleh dipulangkan kepada Honeywell untuk pembaikan.
- Jika anda membeli peralatan Honeywell — contohnya, set kepala dalam Siri SR — daripada penjual Honeywell, hubungi penjual tersebut.
- Jika anda menggunakan Vocollect VoiceClient pada peranti tangan, hubungi penjual atau pengilang peranti jika anda mempunyai soalan atau masalah berkaitan dengan peranti itu.

 **Perhatian:** Tanggalkan pad telinga, cakera lekapan, kabel dan klip kord sebelum penghantaran. Item-item guna habis ini melambatkan proses pembaikan dan unit akan dihantar balik tanpa item-item guna habis ini dipasang.

Honeywell mengeluarkan RMA untuk semua pemulangan tidak kira sebab pemulangan. Ini menjamin pengesanan peralatan yang betul, memastikan pengendalian yang betul dan memudahkan pemulangan yang cepat.

Jabatan Khidmat Pelanggan biasanya mengeluarkan RMA kepada pelanggan yang memulangkan produk untuk pembaikan. Walau bagaimanapun, Honeywell mungkin mengeluarkan RMA atas sebab-sebab lain seperti berikut:

- Produk itu milik Honeywell. Honeywell mungkin telah meminjamkan produk itu kepada pelanggan atau memberikannya sebagai sampel.
- Honeywell meminta pelanggan memulangkan item itu, mungkin untuk pengujian.
- Pekerja Honeywell di lokasi pelanggan memutuskan bahawa produk itu harus dikembalikan kepada Honeywell atas sebab-sebab lain.
- Pertukaran — contohnya, item yang salah telah dihantar atau saiz tali pinggang yang salah telah dipesan.

Sesetengah pelanggan Honeywell mempunyai kontrak perkhidmatan dengan depot pembaikan untuk melaksanakan pembaikan pada produk Honeywell. Pelanggan yang mempunyai kontrak perkhidmatan ini harus menghubungi depot pembaikan mereka untuk memulangkan peralatan. Ikut prosedur pengeluaran RMA untuk menyingkirkan kos pembaikan yang tidak perlu dan untuk memastikan penerimaan produk yang tepat pada masanya. Jika anda mempunyai soalan tentang proses RMA, sila hubungi Khidmat Pelanggan.

Membungkuskan Item untuk Dipulangkan kepada Honeywell

 **Nota:** Item-item RMA yang dibungkuskan dengan betul memudahkan pembaikan dan pemulangan produk Honeywell dengan lebih pantas. Honeywell menghargai bantuan dan kepatuhan anda kepada dasar ini.

1. Bungkuskan item supaya tiada item boleh bersentuhan secara langsung antara satu sama lain atau dengan bahagian tepi, bawah atau atas bekas kiriman.
2. Lapik bekas kiriman dengan sekurang-kurangnya satu lapisan pad, sebaik-baiknya pek gelembung antistatik.
3. Bungkuskan setiap item secara berasingan di dalam beg atau pembungkus, sebaik-baiknya beg atau pembungkus gelembung antistatik.

- Jika pembungkus berasingan tidak dapat dilakukan, letakkan sedikit bahan pembungkusan (seperti pek gelembung antistatik) pada bahagian bawah bekas kiriman, kemudian bungkuskan item di antara lapisan bahan tersebut.
- Elakkan penggunaan hanya busa bentuk kacang sebagai bahan pembungkusan kerana ia tidak menghalang item-item daripada bersentuhan antara satu sama lain atau dengan sisi bekas kiriman. Walau bagaimanapun, busa bentuk kacang boleh mengisi ruang kosong di dalam bekas kiriman dan di atas item-item yang telah dibungkuskan secara berasingan di dalam beg gelembung antistatik.

Menghantar Balik Peralatan untuk Pembaikan: Prosedur Kebenaran Bahan Pemulangan (RMA)

1. Hantar e-mel kepada ACSHSMVocollectRMA@honeywell.com dengan menyertakan maklumat berikut:
 - Nama orang hubungan pelanggan
 - Nama syarikat
 - Alamat syarikat
 - Nombor telefon
 - Nombor faks
2. Berikan juga maklumat berikut tentang item-item yang dipulangkan:
 - Kuantiti
 - Penerangan produk
 - Nombor siri
 - Nombor versi perisian yang dipasang di tapak anda pada masa ini
 - Penerangan masalah atau sebab pemulangan
 - Sama ada produk dilindungi oleh waranti, Pelan Servis Lanjutan (ESP) atau Depot Express
 - Nombor pesanan belian jika item tidak dilindungi oleh ESP atau Depot Express
3. Sertakan nombor RMA pada label kiriman jika menghantar item kepada Honeywell.
4. Bungkuskan peralatan mengikut arahan pembungkusan.
5. Alamatkan label kiriman kepada: Honeywell, 4250 Old William Penn Highway Monroeville, PA 15146-1622 RMA

Menyelesaikan Masalah Konfigurasi VMT

Prosedur-prosedur berikut adalah untuk penentuan kerosakan dengan Vehicle Mount Talkman (VMT) apabila dikuasakan oleh sistem kuasa kenderaan. Prosedur-prosedur ini boleh dilakukan dengan sokongan teknikal Vocollect yang minimum untuk menentukan kepincangan tugas khusus VMT yang tidak berfungsi:


- Pastikan bateri kenderaan bercas dan berfungsi, hidupkan kenderaan dan pastikan ia bermula. Jika kenderaan tidak bermula, maka kenderaan itu harus diservis oleh kakitangan yang berkeelayakan.
- Jika VMT dipasang selepas suis kunci kenderaan, pastikan kuasanya dihidupkan apabila kenderaan dihidupkan. Vocollect mengesyorkan supaya VMT dipasang sebelum suis kunci kenderaan untuk memastikan ia sentiasa mendapat kuasa apabila kenderaan mempunyai bateri.
- Jika peranti Talkman lain boleh didapati, gantikannya dengan Talkman yang tidak berfungsi. Jika Talkman pengganti ini juga tidak berfungsi, kemungkinan masalah tersebut berpunca daripada sistem kuasa VMT. Walau bagaimanapun, jika pengganti ini berfungsi, maka kemungkinan peranti asal perlu diservis.
- Tukar Penyesuai Bateri VMT daripada VMT yang tidak berfungsi dengan Penyesuai Bateri yang diketahui berfungsi. Jika VMT berfungsi dengan Penyesuai Bateri baharu, maka kemungkinan Penyesuai Bateri asal perlu diganti.

Langkah-langkah berikut akan memerlukan sokongan teknikal Vocollect yang berkecualan untuk menentukan kepincangan tugas khusus VMT yang tidak berfungsi:

Dapatkan akses ke bekalan kuasa yang digunakan oleh VMT (ini berkemungkinan dilekapkan di dalam kenderaan). Tanggalkan empat (4) skru yang mengunci tudung bekalan kuasa untuk mendedahkan pendawaian input dan output seperti yang ditunjukkan dalam gambar rajah di bawah.



- Uji terminal input untuk menentukan sama ada voltan dibekalkan dan sepadan dengan sistem kuasa kenderaan.
 - Jika voltan yang dibekalkan tidak sepadan dengan sistem kuasa kenderaan, perhatian pakar diperlukan untuk menentukan sebab sistem kuasa kenderaan tidak membekalkan voltan yang betul.
 - Jika tiada voltan dibekalkan, periksa fuis pada kabel input, gantikaninya jika terbakar. Jika fuis terbakar serta-merta selepas penggantian, tentukan sama ada kabel input ke bekalan kuasa VMT mengalami litar pintas. Jika tiada litar pintas, maka kemungkinan terdapat masalah dengan bekalan kuasa VMT.
 - Jika tiada voltan dibekalkan dan fuis tidak terbakar, periksa keutuhan kabel input untuk memastikan ia tidak putus. Jika putus, gantikan kabel tersebut. Jika tidak, kemungkinan terdapat masalah dengan sistem kuasa kenderaan yang memerlukan perhatian pakar.
- Jika voltan input dibekalkan ke bekalan kuasa, periksa voltan output.
 - Jika terdapat voltan input tetapi tiada voltan output atau voltan output tidak sepadan dengan AT 13.2 V, maka kemungkinan bekalan kuasa perlu diganti.
 - Jika terdapat voltan output dalam julat AT 13.2 V, maka kemungkinan masalahnya adalah dalam kabel yang disambungkan kepada Penyesuai Bateri atau Penyesuai Bateri itu sendiri. Cuba Penyesuai Bateri yang diketahui berfungsi. Jika itu tidak berfungsi, maka kemungkinan kabel antara bekalan kuasa dan Penyesuai Bateri perlu diganti.
- Penyesuai Bateri boleh diuji dengan memeriksa output penyesuai. Ambil perhatian bahawa untuk menolak masalah berpunca daripada bekalan kuasa atau kabel yang disambungkan kepada Penyesuai Bateri, Penyesuai Bateri yang diketahui berfungsi harus diuji dahulu sebelum menguji Penyesuai Bateri yang disyaki rosak. Dua titik paling luar Penyesuai Bateri yang berfungsi harus memberikan bacaan AT lebih kurang 3.9-4.2 V seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Lampiran A

Spesifikasi

Spesifikasi A500

Berat	6.31 auns (178.89 g) Dengan bateri standard: 11.01 auns (312.13 g)
Panjang	5.5 inci (13.97 cm)
Lebar	2.63 inci (6.68 cm)
Kedalaman	1.7 inci (4.3 cm)
Port I/O	• Port set kepala (kuning) • Port penyenggaraan dengan audio keluar dan sokongan bersiri RS-232
Suhu Pengendalian	-22° hingga 122° F (-30° hingga 50° C)
Suhu Simpanan	-30° hingga 140° F (-34° hingga 60° C)
Ujian Jatuh Telah Dijalankan	Mematuhi spesifikasi MIL STD -810F untuk kejutan dan getaran. Selain itu, peranti telah diuji terhadap spesifikasi berikut: • 25 jatuhan dari 5 kaki, 10 jatuhan tambahan dari 6 kaki ke atas konkrit bergilap • 10 jatuhan pada sudut yang berbeza dari 5 kaki pada -20° F (-29° C) ke atas konkrit bergilap
Kelembapan	100% pemeluwapan
Kadaran Kurungan	IP67

 **Nota:** Pembungkusan berbeza untuk kiriman produk. Biasanya, bahan pembungkusan adalah lebih kurang 15% daripada jumlah berat kiriman.

Spesifikasi Bateri Prestasi Tinggi A500/T5

Peranti A500 dan Siri T5 menggunakan bateri standard.

Berat Bateri Standard	4.7 auns (133.24 g)
-----------------------	---------------------

Spesifikasi Elektrik

- Sel: Pek bateri kapasiti tinggi menggunakan dua sel ion litium.

- Voltan = 3.7 V
- Watt Jam = 19 Wj
- Ciri-ciri litar pelindung: Pek tersebut mengandungi litar pelindung yang mencegah keadaan terlebih atau terkurang voltan pada sel dan melindungi pek tersebut daripada kerosakan akibat litar pintas di antara terminal positif dan negatif bateri.
- Pek bateri tersebut mengandungi elektronik tersuai yang membekalkan prestasi, suhu dan pengenalan pek kepada peranti. Maklumat ini disediakan untuk perisian pengurusan suara.
- Pengecasan Bateri: Pek bateri tersebut mesti dicas hanya dalam pengecas Vocollect yang ditetapkan.

Spesifikasi Mekanikal dan Alam Sekitar

- Spesifikasi ujian jatuh: Bateri kapasiti tinggi mematuhi spesifikasi MIL STD 810F untuk kriteria kejutan dan jatuhan seketika.
- Spesifikasi alam sekitar: Dua belah pek bateri dikimpal bersama secara sonik untuk melindungi bahagian dalam daripada air dan debu. Bateri berfungsi dengan betul dalam keadaan berikut:

Suhu: -40°C hingga 55°C (-40°F hingga 131°F) Kelembapan: 95% tanpa pemeluwapan Hujan/debu: IP67

Pemberitahuan Bateri

Amaran bateri untuk bateri Talkman berlaku pada tahap berikut:

- Amaran pertama = 3,450 mV
- Amaran kritikal = 3,350 mV

Spesifikasi Pengecas Kombinasi 10 Ruang T5/A500

Panjang	21.21 inci (53.9 cm)
Kedalaman	6.64 inci (16.9 cm)
Kedalaman dengan Pendakap Dinding	6.89 inci (17.5 cm)
Tinggi	6.12 inci (15.5 cm)
Kuasa	Voltan Input: 100-250 Vac Arus Input: maksimum 2.4 A Frekuensi Talian: 50-60 Hz
Kord	Menggunakan palam standard IEC 60320
Suhu Pengendalian	50° hingga 140° F (10° hingga 40° C)
Suhu Simpanan	-22° hingga 158° F (-30° hingga 70° C)
Kelembapan	Berfungsi sehingga 90% tanpa pemeluwapan

 **Nota:** Pembungkusan berbeza untuk kiriman produk. Biasanya, bahan pembungkusan adalah lebih kurang 15% daripada jumlah berat kiriman.

Spesifikasi Bekalan Kuasa Pengecas Kombinasi T5/A500

Bekalan Kuasa Pengecas Kombinasi 10 Ruang	
Input:	Voltan Input: 100-250 Vac Arus Input: maksimum 2.4 A Frekuensi Talian: 50-60 Hz
Output:	Output: 97.5 W (15 V x 6.5 A)
Kord (A.S., Mexico, Kanada):	Tersenarai UL dan diperakui CSA 3 konduktor 18 AWG Ditamatkan dengan tukup palam beracuan terkadar pada 125 V 15 A Panjang minimum enam kaki
Kord (negara-negara lain):	Bersesuaian secara antarabangsa dan bertanda <HAR> Wayar 3 konduktor minimum 0.75 mm Terkadar pada 300 V dengan jaket bertebat PVC Tukup palam beracuan terkadar 250 V 10 A Panjang minimum enam kaki
Bekalan Kuasa Pengecas Kombinasi Satu Ruang	
Input:	Voltan Input: 100-240 Vac Arus Input: maksimum 0.6 A Frekuensi Talian: 50-60 Hz

Lampiran B

Aksesori

Vocollect menawarkan pelbagai aksesori untuk memakai, melindungi dan memudahkan pengendalian Talkman dan peranti lain.

Peranti tangan dan peranti lain mungkin memerlukan kabel khas untuk menggunakan aksesori Vocollect seperti set kepala. Lihat nota keluaran perisian Vocollect Voice bagi peranti anda untuk maklumat lanjut.

Abah-abah Bahu Boleh Laras T5/A500

Untuk mematuhi standard keselamatan kerajaan, peranti mesti digunakan dengan sama ada tali pinggang dan klip tersuai Vocollect, abah-abah bahu tersuai Vocollect atau pemegang tali pinggang Vocollect.

Spesifikasi Abah-abah Bahu Boleh Laras T5/A500

Tali Pengikat Bahu	Nilon Boleh Laras Lebar 2 inci (5 cm)
Tali Pengikat Dada (Biasa)	Dua Nilon Elastik Boleh Laras, 32 inci - 48 inci (81 cm - 122 cm)
Tali Pengikat Dada (Besar)	Dua Nilon Elastik Boleh Laras, 41 inci - 66 inci (104 cm - 167 cm)

Meletakkan Peranti pada Abah-abah Bahu T5/A500

Untuk memakai peranti menggunakan pilihan abah-abah bahu, pasang peranti tersebut pada abah-abah Vocollect boleh laras dengan klip lekapan yang direka bentuk khas (disediakan dengan tali pinggang atau abah-abah).

Pasang klip pada abah-abah pada permulaan syif. Anda boleh memasang peranti pada dan menanggalkan peranti daripada klip seberapa kerap yang perlu sepanjang syif.



Rajah 27: Abah-abah Bahu T5/A500 Yang Dipakai Dengan Betul - Pandangan Depan dan Belakang

1. Buka kelepak pada bahagian depan abah-abah bahu dengan melepaskan dua butang.
2. Gelongsorkan kelepak menerusi slot pada klip lekapan, kemudian cantumkan kedua-dua butang.
3. Buka gancu gelung besar.
4. Masukkan tangan kiri anda menerusi gelung kecil dan gelongsorkan abah-abah ke atas bahu kiri anda.

5. Klipkan gelung besar di depan dada anda.
6. Laraskan tali pengikat.
7. Sambungkan peranti kepada klip abah-abah bahu dengan menggelongsorkan peranti tersebut ke atas klip sehingga ia berada pada tempatnya. Peranti diklipkan dengan betul pada tempatnya jika anda tidak dapat menanggalkannya daripada klip tanpa menekan butang pelepas klip peranti tersebut.

Tali Pinggang dan Klip Tali Pinggang

Untuk mematuhi standard keselamatan kerajaan, peranti mesti digunakan dengan tali pinggang dan klip tersuai Vocollect, abah-abah bahu tersuai Vocollect atau pemegang tali pinggang Vocollect.




Rajah 28: Tali Pinggang dengan Klip

Menggunakan Tali Pinggang dan Klip A500/Siri T

Untuk memakai peranti menggunakan pilihan tali pinggang dan klip, pasang peranti tersebut pada tali pinggang Vocollect dengan klip lekapan yang direka bentuk khas (disediakan dengan tali pinggang atau abah-abah):

- Klip Tali Pinggang Hitam T5/A500 menyambungkan peranti T5 atau A500 kepada tali pinggang.
- Pasang klip pada tali pinggang Vocollect pada permulaan syif. Anda boleh memasang peranti pada dan menanggalkan peranti daripada klip seberapa kerap yang perlu sepanjang syif.



Rajah 29: Memasang Peranti pada Klip Tali Pinggang

- Vocollect amat mengesyorkan supaya peranti dipakai di sebelah kanan badan anda dengan butang peranti pada bahagian atas dan penyambungannya ke arah belakang anda.

- Peranti A500 dan siri T5 juga boleh dipakai pada abah-abah bahu.

Spesifikasi Tali Pinggang Siri T

Saiz Tali Pinggang	Dimensi
XS	18 inci - 26 inci (46 cm - 66 cm)
S	24 inci - 32 inci (61 cm - 81 cm)
M	28 inci - 36 inci (71 cm - 91 cm)
L	34 inci - 42 inci (86 cm - 107 cm)
XL	40 inci - 48 inci (102 cm - 122 cm)
XXL	46 inci - 54 inci (117 cm - 137 cm)
XXXL	52 inci - 60 inci (132 cm - 152 cm)

Bahagian Tali Pinggang	Spesifikasi
Bahan tali pinggang	Nilon
Velcro®	Cangkuk YKK dan Gelung
Kancing tali pinggang	ITW Nexus 127-3200

Penutup Peranti

Vocollect menawarkan penutup pelindung pilihan untuk peranti-perantinya.

- Penggunaan penutup peranti tidak diperlukan; walau bagaimanapun, Vocollect amat mengesyorkan penggunaan penutup untuk membantu menjaga rupa bentuk dan memanjangkan hayat peranti.
- Penggunaan penutup pelindung di dalam persekitaran penyejuk beku memanjangkan hayat bateri.



Rajah 30: Penutup KULIT Elastomer A500/T5

- Penutup peranti tidak perlu ditanggalkan sebelum meletakkan peranti ke dalam pengecas peranti.
- Penutup Rangka EXO memberikan perlindungan jatuh tambahan untuk peranti, mudah ditanggalkan dan membenarkan akses penuh kepada semua ciri dan fungsi peranti.

Spesifikasi Penutup KULIT Elastomer T5/A500

Fabrik	Elastomer Termoplastik (Dynaflax G2755)
--------	---

Memasang Penutup pada Peranti A500 atau Siri T5

1. Jika peranti belum dimatikan, tekan terus butang main/jeda berwarna kuning sehingga penunjuk LED bertukar kepada warna merah padu dan kemudian matikan.
2. Putuskan sambungan apa-apa persisian.
3. Pegang peranti dengan petak bateri menghadap ke atas dan butang peranti menghadap anda.
4. Gelongsorkan hujung terbuka penutup merentasi hujung port sambungan peranti. Tarik penutup perlahan-lahan untuk memastikan ia gelongsor di belakang tab, terletak pada bahagian bawah peranti, yang memegang penutup dengan kukuh pada tempatnya.



Rajah 31: Memasang Penutup pada Peranti Talkman Siri T5

5. Regangkan hujung bulat penutup menutupi hujung bulat peranti.
6. Sambungkan persisian yang anda akan gunakan.

Spesifikasi Aksesori Talkman A500/T5 VMT

Suhu Pengendalian	-30° hingga 50° C (-22° hingga 122° F)
Suhu Simpanan	-40° hingga 70° C (-40° hingga 158° F)

Lampiran C

Nombor Bahagian

Nombor Bahagian: Peranti Vocollect Talkman

Peranti	Nombor Bahagian Vocollect
Talkman A500 (a/b/g)	TT-800
Talkman A500 (b/g)	TT-801
Talkman A500 (a/b/g/n)	TT-802

Nombor Bahagian: Aksesori Talkman

Aksesori	Nombor Bahagian Vocollect
Penutup T5/A500	EO-700-1
Abah-abah Bahu T5/A500	HI-700-1
Tali Pinggang dengan Klip T5/A500	BL-700-1 - BL-700-7
Klip T5/A500	BL-700-101B (Untuk digunakan dengan BL-700-1 - BL-700-7 dan HL-700-1)
RS-900-1	
Bateri Prestasi Tinggi A500/T5	BT-700-2
Bateri Prestasi Tinggi A500/T5, Sekotak mengandungi 50	BT-700-2-101B
Lekapan Kenderaan, Pemegang, Talkman A500/Siri T5	BL-710-1
Lekapan Kenderaan, Lekapan Skru Pemegang/Dasar, Talkman A700 dan A500/Siri T5	BL-710-101
Lekapan Kenderaan, Lengan, Talkman A700 dan A500/Siri T5	BL-710-102
Lekapan Kenderaan, Pengapit, Talkman A700 dan A500/Siri T5	BL-710-103
Lekapan Kenderaan, Pengapit, RAM Tough-Claw, Talkman A700 dan A500/Siri T5	BL-710-104
Penyesuai Bateri, AT-AT, Talkman A500/Siri T5	BT-710
Kabel, Penyesuai Bateri, Tolak, Talkman A500/Siri T5	CM-710-102

Aksesori	Nombor Bahagian Vocollect
Bekalan Kuasa, Input 9-36 VDC	CM-710-110
Bekalan Kuasa, Input 18-60 VDC	CM-710-111

Nombor Bahagian: Pengecas

Pengecas - Peranti	Nombor Bahagian Vocollect
Pengecas Kombinasi 10 Ruang T5/A500	CM-700-1
Pengecas Kombinasi Satu Ruang T5/A500	CM-700-2
Pengecas A500/T5, Bekalan Kuasa	(Untuk digunakan dengan CM-700-1)
Pendakap Lekapan Pengecas Kombinasi 10 Ruang A500/T5	CM-701-1 (Untuk digunakan dengan CM-700-1)

Lampiran D

Pilihan Latihan Templat

Semua pengendali baharu mesti melatih templat suara mereka (semua perkataan yang dia akan gunakan dalam aliran kerja arahan suara) untuk melaksanakan tugas dengan sistem Vocollect Voice. Penyelia mempunyai pilihan untuk pengendali melatih templat apabila menggunakan peranti.

 **Nota:** Sentiasa bercakap dalam nada suara yang biasa apabila melatih templat.

Latihan dengan Peranti Talkman Sahaja

Penyelia anda mesti menyediakan sistem untuk menggunakan pilihan suara sahaja bagi mencipta templat dengan peranti tangan.

1. Hidupkan peranti anda dengan menekan butang Main/Jeda.
Penunjuk LED bertukar kepada warna merah untuk seketika, kemudian bertukar kepada warna hijau. Peranti menyebut "Sila senyap selama beberapa saat (Please keep quiet for a few seconds)". Selepas berhenti sejenak, peranti menyebut "Sila sebut sifar (Please say zero)".
2. Sebut "Zero (Sifar)".
Peranti menyebut "Satu (One)".
3. Sebut "One (Satu)".
Peranti menyebut "Dua (Two)".
4. Sebut "Two (Dua)".
Peranti menyebut "Sila sebut perkataan berikut... (Please say the following words...)"
5. Sambil peranti menyebut setiap perkataan, sebutkannya kembali kepada peranti. Peranti akan meminta anda sekurang-kurangnya empat kali untuk menyebut perkataan yang sama; ulang perkataan itu setiap kali ia minta. Jika ia meminta anda menyebut frasa, sebut frasa itu secara bersahaja, tanpa berhenti sejenak antara perkataan.

Apabila peranti telah meminta anda menyebut semua perkataan dalam tugas mengikut bilangan yang diperlukan, peranti akan menyebut "Mencipta templat suara. Sila tunggu (Creating voice templates. Please wait)". Ia kemudiannya akan berbunyi bip dari semasa ke semasa sehingga semua templat suara yang tinggal telah dicipta. Apabila templat suara yang tinggal telah dicipta, peranti menyebut "Selesai mencipta templat suara (Finished creating voice templates)". Peranti kemudiannya memasuki mod tidur. Anda boleh mulakan tugas dengan menekan butang Main/Jeda.

Proses ini dapat diperbaiki apabila digunakan bersama dengan bahagian "Latihan Menggunakan Senarai Perkataan yang Dicitak (Training Using a Printed List of Words)" seperti yang boleh didapati di bawah.

Lampiran E

Pematuhan

Lampiran ini mengandungi maklumat pematuhan kawal selia untuk produk-produk Vocollect.

Pematuhan Kawal Selia Vocollect™

Pernyataan Pematuhan Agensi

Peranti dan set kepala wayarles Vocollect direka bentuk agar mematuhi undang-undang dan peraturan di lokasi produk-produk ini dijual dan dilabelkan sebagai wajib. Peranti Vocollect merupakan jenis yang diluluskan dan tidak memerlukan pengguna mendapatkan lesen atau kebenaran sebelum menggunakannya. Perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan nyata oleh Vocollect, Inc. boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Pematuhan Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan

Pernyataan Pematuhan Kelas B FCC

Bahagian 15 Peraturan Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan (FCC)

Peranti ini mematuhi bahagian 15 Peraturan FCC. Pengendalian adalah tertakluk kepada dua syarat berikut: (1) Peranti ini tidak boleh menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima apa-apa gangguan yang diterima, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan pengendalian yang tidak diingini.

 **Nota:** Peralatan ini sudah diuji dan didapati mematuhi had untuk peranti digital Kelas B menurut Bahagian 15 Peraturan FCC. Had ini bertujuan untuk memberikan perlindungan yang munasabah terhadap gangguan berbahaya dalam pemasangan di kawasan kediaman. Peralatan ini menghasilkan, menggunakan dan boleh memancarkan tenaga frekuensi radio dan, jika tidak dipasang dan digunakan mengikut arahan, boleh menyebabkan gangguan berbahaya kepada komunikasi radio. Walau bagaimanapun, tidak terdapat jaminan bahawa gangguan tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini menyebabkan gangguan berbahaya kepada penerimaan radio atau televisyen, yang dapat ditentukan dengan mematikan dan menghidupkan peralatan tersebut, pengguna digalakkan supaya cuba membetulkan gangguan itu mengikut satu atau beberapa daripada langkah berikut:

- Orientasi semula atau tempatkan semula antena penerimaan.
- Jauhkan jarak di antara peralatan dan penerima.
- Sambungkan peralatan ke dalam saluran keluar pada litar yang berbeza daripada penerima.
- Rujuk kepada penjual atau juruteknik radio/TV yang berpengalaman untuk mendapatkan bantuan.

Pernyataan Pendedahan RF

Amaran: Produk-produk Wayarles Vocollect mematuhi had Suruhanjaya Antarabangsa Terhadap Perlindungan Sinaran Tak Mengion (ICNIRP), IEEE C95.1, Buletin 65 Pejabat Kejuruteraan dan Teknologi (OET) Suruhanjaya Komunikasi Persekutuan, RSS-102 Kanada dan Jawatankuasa Eropah untuk Pemiawaian Elektroteknik (CENELEC) bagi pendedahan kepada sinaran frekuensi radio (RF).

 **Awas:** Pendedahan kepada Sinaran Frekuensi Radio.

- Setiap peranti berikut mengandungi radio dalaman kuasa rendah: Peranti Talkman™ dan Set Kepala Wayarles SRX/SRX2.
- Kuasa output tersinar peranti dan set kepala Vocollect™ adalah jauh lebih rendah daripada had pendedahan frekuensi radio FCC/IC/EU.

- Walau bagaimanapun, peranti Vocollect hendaklah digunakan dengan sedemikian rupa sehingga potensi sentuhan manusia dengan antena radio semasa pengendalian biasa diminimumkan. Peranti tersebut tidak harus digunakan jika sarungnya terbuka atau antena dalaman terdedah. Apabila tidak digunakan, peranti Vocollect harus dimatikan kuasa. Selain itu, peranti tersebut harus dipakai mengikut arahan untuk peranti ini.
- Operasi peranti ini dalam jalur 5150–5250 MHz adalah bagi penggunaan dalaman sahaja untuk mengurangkan potensi gangguan berbahaya kepada sistem satelit bergerak saluran bersama.
- Pengguna juga harus dinasihati bahawa radar berkuasa tinggi diuntukkan sebagai pengguna utama (iaitu pengguna prioriti) jalur 5250–5350 MHz dan 5650–5850 MHz dan bahawa radar ini boleh menyebabkan gangguan dan/atau kerosakan pada peranti LE-LAN.



Avertissement:

Exposition aux radiations de fréquences radio.

- Les appareils suivants contiennent chacun une radio de faible puissance interne: Talkman dispositifs et casque sans fil SRX/SRX2.
- La puissance de rayonnement des appareils de Vocollect et casques est bien inférieure aux limites d'exposition aux fréquences radio de la FCC/IC/EU.
- Néanmoins, les dispositifs Vocollect doivent être utilisés de telle sorte que le potentiel pour le contact humain avec l'antenne de la radio pendant le fonctionnement normal est réduit au minimum. L'appareil ne doit pas être utilisé si le boîtier est ouvert ou si l'antenne interne est exposée. Lorsqu'il n'est pas utilisé, les dispositifs de Vocollect doivent être éteints. En outre, l'appareil doit être porté en conformité avec les instructions pour cet appareil.
- L'utilisation de ce périphérique dans la bande de fréquences 5150–5250 MHz est seulement possible en intérieur afin de réduire d'éventuelles interférences avec le canal commun des systèmes mobiles par satellite.
- Les utilisateurs devraient également être avertis que les radars de grande puissance sont désignés utilisateurs principaux (utilisateur prioritaires) des bandes de fréquences 5250–5350 MHz et 5650–5850 MHz et que ces radars peuvent provoquer des interférences et/ou endommager les périphériques LE-LAN.

Produk-produk Vocollect mengandungi salah satu peranti radio berikut. Lihat label peranti.

Peranti Vocollect	Pengilang Kad dan P/N	# ID FCC	# ID Kanada	Nilai SAR Maksimum	
Appareil de Vocollect	Fabricant de la carte et P/N			La valeur maximale	
				purata 1 gm	purata 10 gm
A500 Model: TT-800-1-1	USI WM-BA-MR-01 CSR BlueCore6	MQO-TT-800-1-1	2570A-TT80011	0.148 W/Kg	0.062 W/Kg
A500 Model: TAP801-01	Lesswire WiBear-SF CSR BlueCore6	MQO-TAP801-01	2570A-TAP80101	0.027 W/Kg	0.016 W/Kg
A500 Model: TAP802-01	LSR TiWi5 CSR BlueCore6	MQO-TAP802-01	2570A-TAP80201	0.14 W/Kg	0.22 W/Kg

Pematuhan Kanada

Peraturan ini mematuhi standard RSS pengecualian lesen Industri Kanada. Pengendalian adalah tertakluk kepada dua syarat berikut: (1) peranti ini tidak boleh menyebabkan gangguan dan (2) peranti ini mesti

menerima apa-apa gangguan, termasuk gangguan yang boleh menyebabkan pengendalian peranti yang tidak diingini.

Le présent appareil est conforme aux CNR d'Industrie Canada applicables aux appareils radio exempts de licence. L'exploitation est autorisée aux deux conditions suivantes : (1) l'appareil ne doit pas produire de brouillage, et (2) l'utilisateur de l'appareil doit accepter tout brouillage radioélectrique subi, même si le brouillage est susceptible d'en compromettre le fonctionnement.

Cumplimiento de normas mexicana

La operación de este equipo está sujeta a las siguientes dos condiciones: (1) es posible que este equipo o dispositivo no cause interferencia perjudicial y (2) este equipo o dispositivo debe aceptar cualquier interferencia, incluyendo la que pueda causar su operación no deseada.

Pematuhan Vietnam

الإمارا العربية المتحدة الامتثال

(Compliance with United Arab Emirates)

SRX2 القطعة (Part): HD-1000-101 موديل (Model): HBT1000-1	A710 القطعة (Part): TT-910 موديل (Model): TAP910-01	A720 القطعة (Part): TT-920 موديل (Model): TAP920-01	A730 القطعة (Part): TT-930 موديل (Model): TAP930-01
هيئة تنظيم الاتصالات تسجيل رقم: (TRA REGISTERED NO.) ER0130663/14 موزع رقم: (DEALER NO.) DA013420/14	هيئة تنظيم الاتصالات تسجيل رقم: (TRA REGISTERED NO.) ER0132548/14 موزع رقم: (DEALER NO.) DA0127420/14	هيئة تنظيم الاتصالات تسجيل رقم: (TRA REGISTERED NO.) ER0132554/14 موزع رقم: (DEALER NO.) DA0127420/14	هيئة تنظيم الاتصالات تسجيل رقم: (TRA REGISTERED NO.) ER0132542/14 موزع رقم: (DEALER NO.) DA0127420/14

Маркировка ЕАС и соблюдение Российские нормативов (Russian Compliance)

Предназначенная для продажи в России, Казахстана и Беларуси продукция маркирована специальным образом (знак ЕАС), что указывает на соответствие Таможенный союза требованиям и нормам. Поправки и дополнения к этим требованиям и нормам также учтены.

(Produk-produk yang dirancang untuk dijual di Rusia, Kazakhstan dan Belarus dilabelkan dengan tanda EAC yang menunjukkan pematuhan kepada keperluan dan standard Kesatuan Kastam. Pindaan kepada keperluan dan standard ini disertakan.)

Модель (Model)	Инвентарного номера (Nombor Bahagian)	Номер модели (Nombor Model)
Комбинированное зарядное устройство на 10 ячеек T5/A500 (Pengecas Kombinasi T5/A500)	CM-700-1	CM-700-1-1
	Buatan AS, страна производства США Kadaran (voltan), Напряжение: 220V-50Hz	
Соответствие агента: Л.Н. Голубова , генеральный директор, ООО "Дофин" , 140573, РФ, Московская обл., Озерский район, с. Бояркино, Ejen pematuhan: L.N. Golubova, CEO, Dofin, Ltd., Boiarkino, kawasan Ozersky, wilayah Moscow, 140573 Rusia		

Tanda CE & Pematuhan Eropah

Produk-produk yang dirancang untuk dijual di Kesatuan Eropah ditandakan dengan Tanda CE yang menunjukkan pematuhan kepada Perintah dan Norma-norma Eropah (EN) yang berkaitan seperti berikut. Pindaan kepada Perintah atau EN ini disertakan.

Nama Model	Nombor Bahagian	Nombor Model
A500	TT-800	TT-800-1-1
A500	TT-802	TAP802-01
	Notis Penting: Peranti ini merupakan terminal wayarles yang beroperasi dalam jalur frekuensi ISM 2.4GHz dan 5GHz dan dirancang untuk kegunaan industri ringan di semua negara ahli EU dan EFTA. Lihat sekatan di bawah.	
Sekatan Itali: Jika digunakan di luar premis sendiri, kebenaran umum diperlukan.		
Sekatan Perancis: Penggunaan luar dihadkan kepada 10mW e.i.r.p. dalam lingkungan jalur 2454-2483.5		
Peranti ini mesti digunakan dengan Titik Capaian yang telah memasang dan mengaktifkan ciri pengesanan radar yang diperlukan untuk operasi dalam jalur 5 GHz Komuniti Eropah. Peranti ini akan beroperasi di bawah kawalan Titik Capaian untuk mengelakkan daripada beroperasi pada saluran yang digunakan oleh mana-mana sistem radar di kawasan tersebut. Kehadiran operasi radar berdekatan boleh menyebabkan peranti ini mengalami gangguan komunikasi sementara. Ciri pengesanan radar Titik Capaian akan memulakan semula operasi secara automatik pada saluran yang bebas daripada radar. Anda boleh merujuk kepada kakitangan sokongan teknikal tempatan yang bertanggungjawab bagi rangkaian wayarles untuk memastikan peranti Titik Capaian tersebut dikonfigurasi dengan betul bagi operasi Komuniti Eropah.		
Untuk memastikan pematuhan kepada standard Eropah terkini, VoiceCatalyst 2.1.1 atau lebih baharu atau VoiceClient 3.9.1 atau perisian suara lebih baharu mesti dimuatkan pada peranti A500.		

Nama Model	Nombor Bahagian	Nombor Model
A500	TT-801	TT-800-1-1 TAP801-01
Untuk memastikan pematuhan kepada standard Eropah terkini, VoiceCatalyst 2.1.1 atau lebih baharu atau VoiceClient 3.9.1 atau perisian suara lebih baharu mesti dimuatkan pada peranti A500.		
	Peranti ini merupakan peranti wayarles 2.4 GHz yang dirancang untuk kegunaan industri ringan di semua negara ahli EU dan EFTA.	

Kelulusan Kawal Selia untuk Peranti Radio Bluetooth®

Peranti Vocollect yang mengandungi modul Bluetooth™ bersepadu direka bentuk untuk mematuhi standard berkaitan yang terkini tentang aras tenaga RF yang selamat, dibangunkan oleh Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik (IEEE) dan Suruhanjaya Komunikasi Institut Standard Kebangsaan Amerika (FCC).

Tanda perkataan dan logo Bluetooth dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan apa-apa penggunaan tanda sedemikian oleh Vocollect telah mendapat kebenaran. Cap dagang dan nama dagang lain dimiliki oleh pemilik masing-masing.



Buatan A.S.

Vocollect Pittsburgh, PA



Perisytiharan Keakuran: RoHS

Perintah 2011/65/EU Parlimen dan Majlis Eropah bertarikh 8 Jun 2011

Sekatan Bahan Berbahaya (RoHS)

Produk-produk Pembuatan Vocollect™

Semua produk pembuatan Vocollect yang dihantar oleh Vocollect sejak 1 Januari 2012 ke destinasi di mana PERINTAH 2011/65/EC PARLIMEN DAN MAJLIS EROPAH bertarikh 8 Jun 2011 (RoHS 2) dikenakan adalah mematuhi perintah ini berkaitan dengan sekatan penggunaan bahan berbahaya tertentu di dalam peralatan elektrik dan elektronik.

Bahagian-bahagiannya tidak melebihi kepekatan maksimum mengikut berat dalam bahan-bahan homogen untuk:

- 0.1% plumbum (Pb)
- 0.1% Kromium heksavalen (Cr6+)
- 0.1% polibrominat bifenil (PBB)
- 0.1% polibrominat difenil eter (PBDE)
- 0.01% kadmium (Cd)

atau layak untuk pengecualian daripada had-had diatas seperti yang ditentukan dalam Lampiran Perintah RoHS.

Produk-produk Pihak Ketiga yang dijual oleh Vocollect

Vocollect telah memperoleh pengesahan daripada semua pembekal produk-produk pihak ketiga bahawa versi produk yang dihantar oleh Vocollect sejak 1 Januari 2012 ke destinasi di mana PERINTAH 2011/65/EC PARLIMEN DAN MAJLIS EROPAH bertarikh 8 Jun 2011 (RoHS 2) dikenakan adalah mematuhi perintah ini berkaitan dengan sekatan penggunaan bahan berbahaya tertentu di dalam peralatan elektrik dan elektronik.

Bahagian-bahagiannya tidak melebihi kepekatan maksimum mengikut berat dalam bahan-bahan homogen untuk:

- 0.1% plumbum (Pb)
- 0.1% Kromium heksavalen (Cr6+)
- 0.1% polibrominat bifenil (PBB)
- 0.1% polibrominat difenil eter (PBDE)
- 0.01% kadmium (Cd)

atau layak untuk pengecualian daripada had-had diatas seperti yang ditentukan dalam Lampiran Perintah RoHS.

Indeks

A

- A500 VMT
 - 29–32
 - aksesori 30
 - memasang dalam kenderaan 29
 - menempatkan di dalam forklift 31
 - menyambungkan kabel 32
- abah-abah bahu
 - 69
 - peranti A500 69
 - spesifikasi 69
- abah-abah bahu boleh laras
 - 69
 - spesifikasi 69
- aksesori
 - 29, 69–70, 73
 - lekapan kenderaan 29
 - peranti Talkman 69
 - tali pinggang, klip tali pinggang 70
 - Talkman, nombor bahagian 73
- aplikasi suara
 - 45
 - memuatkan 45

B

- bahaya 11
- bateri
 - 11, 16–19, 65
 - masa pemanasan 19
 - memasukkan ke dalam peranti Talkman 17
 - mengecas, peranti A500 16
 - mengecas, peranti T5 16
 - mengeluarkan daripada peranti Talkman 18
 - pengendalian 11
 - spesifikasi, peranti A500 65
 - spesifikasi, peranti T5 65
- bateri sejuk 19
- bekalan kuasa
 - 42, 67
 - menyambungkan ke pengecas kombinasi T5/A500 42
 - spesifikasi pengecas kombinasi T5/A500 67
- berkelip 22, 43
- biru 22
- bunyi bip 45
- butang, tidak memberikan respons 46

D

- ditutup 46
- dokumentasi perkakasan, tentang 3

F

- forklift
 - 29, 31–32
 - memasang A500 ke dalam 29
 - memasang pendakap lekapan untuk peranti 31
 - menempatkan peranti 31
 - menyambungkan kabel 32

H

- hak cipta 3
- hantar balik 61–62
- hidupkan peranti 46
- hijau 22, 43
- hubungan 12

J

- jantina, menukar 26

K

- kelajuan, menukar 25
- kelantangan, menukar menggunakan butang peranti 25
- kelantangan, menukar menggunakan suara 25
- keselamatan 11
- keselamatan bateri 11
- klip tali pinggang 70
- konfigurasi mudah
 - 19–20
 - peranti tambahan 20
 - persediaan 19
- kuning 22, 43

L

- latihan
 - 75
 - templat 75
- lebih cepat 25
- lebih kuat 25
- lebih perlahan 25
- lebih rendah 24
- lebih tinggi 24
- lekapan kenderaan
 - 29–32
 - 12 volt 32
 - 24 volt 32
 - 36 volt 32
 - 48 volt 32
 - aksesori 30
 - memasang pendakap lekapan 31
 - menempatkan peranti di dalam forklift 31
 - menyambungkan kabel 32

lekapam RAM 30
 lelaki 26

M

masalah peralatan 45
 masalah peranti
 45–46
 asyik dimatikan 46
 bunyi bip 45
 tidak akan hidup 46
 tidak akan memberikan respons kepada tekanan butang 46
 tidak akan memuatkan aplikasi suara 45
 tidak akan memuatkan templat pengendali 46
 masalah set kepala
 45
 tidak dapat mendengar apa-apa 45
 melatih templat 75
 merah 22, 43
 mesej ralat
 50, 55
 bernombor 50
 lisan 55
 mesej ralat bernombor 50
 mesej ralat lisan 55

N

nombor bahagian
 73–74
 aksesori Talkman 73
 pengeras 74
 peranti Talkman 73

P

paten 13
 pembaikan
 61–62
 bungkusan 61
 pemulangan 61–62
 pengeras
 17, 41–43, 66–67, 74
 kombinasi T5/A500, lekapan dinding 42
 kombinasi T5/A500, memasang lekapan dinding 43
 kombinasi T5/A500, menyambungkan bekalan kuasa 42
 kombinasi T5/A500, spesifikasi 66
 kombinasi T5/A500, spesifikasi bekalan kuasa 67
 mengeluarkan peranti A500 17
 nombor bahagian 74
 Pengeras Kombinasi 10 ruang T5/A500 41
 pengeras A500
 43
 penunjuk LED 43
 pengeras kombinasi
 19–20, 41–43, 66–67
 konfigurasi mudah 19
 konfigurasi mudah, peranti tambahan 20
 konfigurasi mudah, persediaan 19
 lekapan dinding 42

pengeras kombinasi (*bersambung*)
 lekapan dinding, memasang 43
 menyambungkan bekalan kuasa 42
 spesifikasi 66
 spesifikasi bekalan kuasa 67
 pengguna cacat pendengaran 27
 penunjuk LED
 22, 43, 49
 A500 22
 menyelesaikan masalah dengan 49
 pengeras A500 43
 pengeras T5 43
 pengeras T5m 43
 penutup, Lihat penutup peranti
 penutup peranti
 71–72
 memasang pada peranti A500/Siri T5 72
 peranti A500 71
 spesifikasi 72
 penutup, menukar 26
 penyelesaian masalah
 45–46, 49
 masalah peralatan 45
 oleh penunjuk LED 49
 peranti berbunyi bip 45
 peranti dimatikan 46
 peranti tidak akan hidup 46
 peranti tidak akan memuatkan templat pengendali 46
 peranti tidak memberikan respons kepada tekanan butang 46
 tidak akan memuatkan aplikasi suara 45
 tidak dapat mendengar melalui set kepala 45
 peralatan
 27
 pembersihan 27
 peranti
 15, 27
 pembersihan 27
 Talkman A500 15
 peranti A500
 15–18, 22, 41, 65–66, 69, 71–72
 abah-abah bahu 69
 bateri 16
 memasukkan bateri 17
 mengecas 16
 mengeluarkan bateri 18
 mengeluarkan daripada pengeras 17
 pengeras kombinasi 41
 pengeras kombinasi, spesifikasi 66
 penunjuk LED 22
 penutup peranti 71
 penutup peranti, memasang 72
 spesifikasi 65
 spesifikasi bateri 65
 spesifikasi penutup peranti 72
 peranti Siri T5
 65
 spesifikasi bateri 65
 peranti T5
 16, 41, 66, 72
 bateri 16
 mengecas 16

peranti T5 (*bersambung*)
 pengeras kombinasi 41
 pengeras kombinasi, spesifikasi 66
 penutup peranti, memasang 72
 spesifikasi penutup peranti 72
 peranti Talkman
 9, 18, 69, 73
 aksesori 69
 mengeluarkan bateri daripada 18
 nombor bahagian 73
 tentang 9
 peranti tidak responsif 46
 perempuan 26
 perintah 26
 pic, menukar 24
 prosedur pembersihan 27

S

set kepala
 9
 tentang 9
 spesifikasi
 65–66, 69, 71–72
 Abah-abah Bahu Boleh Laras T5/A500 69
 bateri A500 65
 bateri T5 65
 pengeras kombinasi 10 ruang T5/A500 66
 penutup peranti A500 72
 penutup peranti T5 72
 peranti A500 65
 tali pinggang 71
 suara
 24–26
 lebih cepat 25
 lebih kuat 25
 lebih perlahan 25
 lebih rendah 24
 lebih tinggi 24

suara (*bersambung*)
 melaraskan 24
 menukar jantina 26
 menukar kelajuan 25
 menukar kelantangan 25
 menukar pic 24

T

T5 VMT
 30–32
 aksesori 30
 menempatkan di dalam forklift 31
 menyambungkan kabel 32
 tali pinggang
 70–71
 saiz 71
 spesifikasi 71
 Talkman
 26, 73
 aksesori, nombor bahagian 73
 perintah 26
 Talkman A500 15
 templat
 46
 memuatkan 46
 templat pengendali
 46
 memuatkan 46

V

VMT
 29, 36, 62
 amalan terbaik pemasangan 36
 pemasangan berjaya 36
 Vocollect
 12
 hubungan 12

